

KAJIAN PERLAMBANGAN DALAM NOVEL *LEKSIKON LEDANG*: SATU  
PENELITIAN TEORI SEMIOTIK

SITI AISYAH BINTI JAMALUDIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2024



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN PERLAMBANGAN DALAM NOVEL *LEKSIKON LEDANG*: SATU  
PENELITIAN TEORI SEMIOTIK**

Oleh

**SITI AISYAH BINTI JAMALUDIN**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi khendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan  
Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**


**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024


FYP FTKW

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

**SULIT**

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

  
.....  
( SITI AISYAH BINTI JAMALUDIN )

Tarikh : 22 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

  
.....  
( TS. DR. MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN )

Tarikh : 25 Februari 2024

Nota: \*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekata.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurnia-Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sahabat serta keluarga baginda yang mulia.

Syukur dilafazkan akan segala pemberian-Nya, tiada keupayaan diri melainkan dengan izin Allah SWT juga projek penyelidikan Kajian Perlambangan dalam Novel *Leksikon Ledang*: Satu Penelitian Teori Semiotik ini dapat dihasilkan untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian dalam jurusan bidang Kesusastraan Warisan.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pensyarah yang bertindak selaku penyelia saya iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman yang penuh komited, dedikasi dan sabar dalam membantu dan membimbing saya bagi menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Mendoakan beliau sentiasa berada dalam lindungan-Nya. Tidak dilupakan juga saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penulis Nor Azida Ishak dan Fadhl Al-Akiti kerana menghasilkan dan menerbitkan novel *Leksikon Ledang*. Novel tersebut telah memberi kemudahan kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan, semangat dan mendoakan saya sepanjang menjalankan kajian ini. Justeru itu, saya berterima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang memberi kerjasama, sokongan serta nasihat kepada saya untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini. Segala jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh mereka amat saya hargai. Semoga jasa mereka dibalas dengan kebaikan.

Sekian, terima kasih.

**ISI KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	13
1.9 Organisasi Kajian	15
1.10 Kesimpulan	17
 <b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kajian Berkaitan Teori Semiotik	19
2.3 Kesimpulan	33

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	34
3.2	Kaedah Kualitatif	35
3.3	Reka Bentuk Kajian	36
3.4	Kaedah Kajian	38
	3.4.1 Sumber Data Sekunder	38
	i. Kaedah Kepustakaan	38
	ii. Kaedah Analisis Teks	38
	iii. Kaedah Laman Sesawang	40
3.5	Pengumpulan dan Pemprosesan Data	40
	3.5.1 Memoing	40
	3.5.2 Analisis Data	41
	a) Kaedah Analisis Wacana	41
3.6	Kerangka Metodologi Kajian	44
3.7	Penerapan Teori Semiotik	45
	3.7.1 Ikon	47
	3.7.2 Indeks	47
	3.7.3 Simbol	47
3.8	Kerangka Toeri	49
3.9	Kesimpulan	51

**BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN**

4.1 Pengenalan	52
4.2 Ikon	54
4.2.1 Ikon yang Menggambarkan Tempat	55
4.2.2 Ikon yang Menggambarkan Perasaan	59
4.2.3 Ikon yang Menggambarkan Waktu	65
4.2.4 Ikon yang Menggambarkan Alam	66
4.3 Indeks dalam Novel Leksikon Ledang	71
4.4 Simbol dalam Novel Leksikon Ledang	76
4.5 Kesimpulan	82

**BAB 5: KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	83
5.2 Rumusan Kajian	84
5.3 Implikasi Kajian	87
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian	88
5.4.1 Orang Awam	89
5.4.2 Kerajaan	90
5.4.3 Pengkaji Lain	90
5.5 Kesimpulan	92
BIBLIOGRAFI	93

## KAJIAN PERLAMBANGAN DALAM NOVEL LEKSIKON LEDANG: SATU PENELITIAN TEORI SEMIOTIK

### ABSTRAK

Penulisan novel mengungkap suatu penceritaan yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Perlambangan yang digunakan oleh pengarang berpandukan kepada situasi masyarakat dan juga dipengaruhi latar masa ketika karya tertentu dihasilkan. Setiap perlambangan dalam karya bertujuan untuk mendidik, mengajar dan mengusulkan pemikiran kritis kepada pembaca. Dengan itu, melalui interpretasi dapat memberikan pemahaman berkaitan dengan novel kajian malah proses ini memudahkan untuk mempertimbangkan maksud yang ada dan perkara yang disampaikan oleh pengarang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah kepustakaan yang di analisis secara deskriptif yang akan meneliti terhadap novel kajian. Kajian ini juga di analisis melalui teori Semiotik dengan menggunakan prinsip pertama dalam Semiotik Charles Sanders Peirce iaitu ikon, indeks dan simbol. Pengkaji mendapati bahawa prinsip ikon, indeks dan simbol sememangnya terkandung dalam novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti. Oleh itu, pengaplikasian teori Semiotik diambil bersesuaian untuk meneliti makna yang terdapat dalamnya. Objektif utama menfokuskan kepada pemaknaan kata-kata atau ayat yang terdapat di dalam novel kajian. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji telah menemukan beberapa kata-kata atau ayat berdasarkan prinsip ikon iaitu ikon yang menggambarkan tempat, perasaan, waktu dan alam. Manakala prinsip indeks dan simbol juga ditemukan oleh pengkaji di dalam novel *Leksikon Ledang*. Justeru itu, jelas menunjukkan bahawa penerapan teori Semiotik sesuai diterapkan dalam mengkaji perlambangan yang mempunyai makna tersurat dan tersirat dalam karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti dalam memberi pengajaran dan pengetahuan kepada pembaca.

**Kata Kunci:** Teori Semiotik, Leksikon Ledang, Perlambangan

## SYMBOLISM STUDIES IN THE NOVEL *LEKSIKON LEDANG*: A STUDY OF SEMIOTIC THEORY

### ABSTRACT

The writing of a novel reveals a storytelling that the author wants to convey to the reader. The symbolism used by the author is based on the situation of society and is also influenced by the background of the time when a particular work was produced. Each symbolism in the work aims to educate, teach, and propose critical thinking to the reader. Thus, interpretation can provide an understanding about the novel of the study, even this process makes it easy to consider the existing meaning and the subject matter conveyed by the author. This study uses a qualitative design that is a descriptively analyzed library method that will examine the novels of the study. The study was also analyzed through Semiotic theory using the first principle in Charles Sanders Peirce's Semiotics which are icons, index, and symbols. The researchers found that the principles of icons, index, and symbols are indeed embodied in the novels of *Leksikon Ledang* by Nor Azida Ishak and Fadhli Al-Akiti. Therefore, the application of Semiotic theory is taken accordingly to examine the meaning contained in it. The main objective focuses on the imposition of words or sentences found in the study novel. As a result of this study, researchers have found several words or sentences based on the principle of icons which are icons that describe place, feeling, time, and nature. The principles of index and symbols were also discovered by researchers in the novel *Leksikon Ledang*. Thus, it is clear that the application of Semiotic theory is appropriate in studying symbolism that has a clear meaning and is implied in the works of Nor Azida Ishak and Fadhli Al-Akiti in providing teaching and knowledge to the reader.

**Keywords:** Semiotic Theory, Leksikon Ledang, Symbology

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang pengenalan berkaitan kajian yang dilaksanakan. Pada bahagian pendahuluan merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan kesimpulan. Kajian ini bertujuan untuk menyempurnakan kajian yang dikaji bagi menambahkan bahan ilmu pengetahuan. Pengkaji akan melakukan kajian ini dengan lebih mendalam berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dalam Kajian Perlambangan dalam Novel *Leksikon Ledang* (2015) karya Nor Azida Ishak Dan Fadhli Al-Akiti dengan menggunakan teori Semiotik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Wacana tulis sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung perlulah seseorang itu membaca terlebih dahulu untuk menerima, memahami dan menikmati wacana tersebut (Mohamed Suhaimi, 2017). Sehubungan dengan itu, wacana tulis menjadi salah satu cabang dalam kerangka disiplin linguistik yang turut menumpukan perhatian kepada kajian tentang hubungan antara ayat dengan konteks yang digunakan. Rentetan daripada itu, wacana tulis juga dikatakan bahawa sesuatu wacana bertindak untuk menginterpretasikan makna sesuatu ujaran dengan memerhatikan konteks linguistik dan konteks etnografi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) interpretasi ditakrifkan sebagai tafsiran, penjelasan mengenai makna, tujuan, implikasi dan sebagainya sesuatu. Manakala menginterpretasikan pula membuat interpretasi tentang (sesuatu) atau mentafsirkan. Dalam sesebuah teks sastera mempunyai satu disiplin ilmu yang digunakan dalam memberi makna secara mendalam.

Menurut Burhan Nurgiyantoro (1994) mengatakan bahawa sastera adalah karya yang mempunyai tujuan komunikasi dan estetik yang memfokuskan kepada kreativiti dan keaslian penyampaian. Begitu juga, komunikasi bertulis dapat dipahami sebagai proses penyampaian atau pemindahan maklumat daripada individu kepada individu yang lain. Komunikasi bertulis ini juga merupakan proses yang mewujudkan kefahaman penerima maklumat tentang mesej yang disampaikan dan kedua-duanya mempunyai kefahaman yang dikongsi bersama (Mohamed Suhaizi Suhaimi, 2017). Kefahaman merupakan proses membina, mentafsir dan menilai sesuatu perkara atau apa-apa sahaja yang dibaca (Marohaini Yusoff, 1999). Kefahaman juga merupakan satu proses mendapatkan makna daripada komunikasi sama ada melalui lisan, tulisan atau penggunaan simbol-simbol tertentu. Hal ini juga, kefahaman juga menjadi sukar seperti

pengecaman perkataan, pemilihan makna yang sesuai, penubuhan generalisasi dan juga penilaian. Oleh itu, kefahaman seseorang dalam mentafsir sesuatu makna yang ada dalam sesebuah teks seperti novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti memberikan perbezaan kefahaman terhadap khalayak.

Novel merupakan salah satu media sastera yang dianggap popular dalam kalangan pembaca. Novel menjadi bahan media bagi menggambarkan tentang pelbagai persoalan sosial untuk dijadikan renungan dan difikirkan. Novel adalah satu bentuk cerita prosa yang panjang dan memaparkan sifat realiti manusia. Menurut Kroeber (1971) dalam kajian Nursham (2015) mengatakan bahawa novel memaparkan sifat realiti manusia dalam menghayati kehidupan, menentukan arah tujuan manusia, cara berinteraksi sesama manusia dan alam, menghayati kehidupan zaman sekarang dan masyarakat zaman dahulu. Penulis dapat berimajinasi melalui penulisan mereka dan memberikan impak yang baik kepada pembaca.

Menelusuri kepada kajian pengkaji yang memfokuskan kepada kefahaman pembaca dalam mentafsir makna yang ada dalam sesebuah teks. Menurut Adam Mohd dan Nasir Baharudin (2019) mengatakan bahawa bagi memahami sebuah representasi karya seni harus bermula dengan sebuah idea kepada paparan sebuah tanda. Wujud dan hadir sebuah tanda ini juga menjadi sebagai pusat kebenaran agar difahami oleh pemerhati supaya tiada sebarang salah makna atau disalah erti yang diandaikan melalui proses interpretasi. Selain itu, berdasarkan Barrett (1994) menyatakan yang interpretasi merupakan satu perkara yang penting dalam aspek kritikan. Hal ini kerana interpretasi bertanggungjawab dalam membentuk makna dan huraian (Adam Mohd dan Nasir Baharudin, 2019). Oleh itu, proses interpretasi juga dapat memberikan

pemahaman yang berkaitan dengan karya seni malah proses ini memudahkan untuk mempertimbangkan maksud yang ada dan perkara yang disampaikan oleh pengkarya.

Rentetan daripada itu, melalui proses interpretasi itu juga merupakan proses yang mengubah sesuatu situasi mujarad kepada sebuah pemahaman selepas melihat tanda (Adam Mohd dan Nasir Baharudin, 2019). Setiap tanda-tanda yang wujud dalam aspek kehidupan manusia bukan mudah untuk difahami dan perlulah difahami tanda itu dengan analisis bahasanya. Menurut Mana Sikana (2001) menyatakan masa kini makna dapat dilihat sebagai fungsi daripada sebuah sistem bahasa. Beliau juga mengatakan dalam sistem bahasa itu tersimpan makna yang merujuk kepada penggunaanya. Hal ini adalah melihat kepada makna tanda-tanda bahasa itu dan setiap manusia memiliki interpretasi makna yang tersendiri. Justeru itu, bagi membincangkan dan membahaskan mengenai tanda ini adalah dengan ilmu Semiotik.

Sehubungan dengan itu, semiotik adalah satu pendekatan yang mengkaji tentang makna sesuatu tanda dalam bahasa. Semiotik adalah perkataan yang berasal daripada perkataan Greek iaitu *semeion* yang membawa maksud tanda. Jadi, semiotik bermaksud mengkaji sistem perlambangan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) semiotik didefinisikan kajian tentang tanda dan perlambangan terutamanya hubungan antara tanda dan lambang dengan benda dan idea yang dimaksudkan. Teori Semiotik dalam teks kesusastraan ditetapkan merupakan tanda yang bentuk bahasa dan disampaikan kepada pembaca melalui saluran tertentu seperti semua bahan yang berbentuk buku. Dalam memahami tanda-tanda yang disampaikan oleh pengarang melalui teks, pembaca seharusnya membaca teks tersebut dan memahami kode yang dipilih oleh pengarang. Dengan memahami kode, kebarangkalian sebahagian sahaja yang faham dan membantu pembaca dalam memahami maksud teks. Kode adalah suatu

sistem tanda yang merujuk pada isi teks kesusasteraan. Oleh itu, dengan memahami kode akan membantu pembaca untuk menafsirkan makna teks.

Kajian semiotik dalam kesusasteraan adalah untuk memahami teks dengan membaca teks tersebut. Berdasarkan pandangan ahli barat iaitu Saussure mengenai semiotik, bahasa merupakan sistem tanda dan sesuatu tanda bahasa bersifat mewakili yang lain disebut makna. Dalam memahami teks perlulah melakukan proses pembacaan teks yang bersifat heuristik dan hermeneutik yang saling berkait dengan pendekatan semiotik. Menurut Burhan Nurgiyantoro (1994) dalam kajiannya hubungan di antara heuristik dan hermeneutik bersifat penggredan kerana perbuatan pembacaan hermeneutik perlulah didahului oleh pembacaan heuristik.

Kajian ini akan memberi fokus kepada teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce (1839-1914) diteruskan dengan konsep yang dibawa olehnya iaitu semiotik merupakan tanda yang dapat dikenalpasti melalui proses semiosis yang mengagaskan kepada tiga kategori iaitu representasi, kedua pula objek dan akhir sekali interpretasi. Gagasan idea Peirce menyampaikan tanda merupakan hubungan segitiga asli *genuine triadic*. Menurut Intan Marlina (2007) menyatakan bahawa tanda juga sebenarnya adalah mengemukakan sesuatu dengan disebut sebagai *representamen*. Menelusuri kepada *representamen* dapat dibahagikan kepada tiga kategori didalamnya yang terkandung *qualisign*, *sinsign* dan *legisign*. Seterusnya, objek yang juga Peirce kemukakan tiga jenis tanda iaitu ikon, indeks dan simbol. Akhir sekali, *interpretant* iaitu tanda yang terdapat dalam fikiran kita selepas mengenalpasti tanda tersebut. Penelitian dengan menggunakan perspektif Semiotik ini dapat memberikan satu nilai kepada pengkaji untuk melaksanakan analisis kajian terhadap perbezaan kefahaman

pembaca dalam mentafsir sesebuah teks yang terkandung dalam novel *Leksikon Ledang* dengan penggunaan teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah kajian merupakan isu berkaitan dengan bidang yang hendak dikaji oleh penyelidik yang menyebabkan kajian itu perlu dijalankan (Fariza Khalid, 2014). Menerusi penelitian pengkaji, permasalahan yang wujud dalam penyelidikan Kajian Perlambangan dalam novel *Leksikon Ledang: Satu Penelitian Teori Semiotik* adalah perbezaan kefahaman seseorang mentafsir sesuatu makna yang ada dalam karya sastera.

Selain itu, berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dianalisis didapati bahawa kajian semiotik masih kurang diberi perhatian daripada pelbagai aspek oleh pengkaji-pengkaji tempatan berbanding pengkaji dari Indonesia dan Barat. Terutamanya kajian mengenai kefahaman seseorang dalam mentafsir sesuatu makna yang ada dalam sesebuah karya sastera seperti novel. Kajian semiotik berdasarkan dalam novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhl Al-Akiti masih tiada lagi kajian yang dilakukan. Namun, kajian-kajian lepas yang melibatkan teori Semiotik dalam novel, cerpen dan puisi teori Semiotik Peirce dan teori Ferdinand De Saussure telah ada. Antaranya adalah kajian Sopia Wulandari dan Erik D Siregar yang bertajuk Kajian Semiotika Charles Sanders Peirce: Relasi Trikotomi (Ikon, Indeks dan Simbol dalam Cerpen Anak Mercusuar Karya Mashdar Zainal). Kajian Budiawan Dwi Santoso dengan tajuk Representasi Perempuan Pinggiran dalam Novel Tanah Tabu Karya Anindita S. Thayf: Kajian Semiotik. Penggunaan pendekatan yang sesuai dan penggunaan simbol, ikon dan indeks yang baik dapat difahami oleh khalayak. Menurut Mulyati, Ida Puteri dan Rafidah Abdul Razak (2019) mengatakan bahawa penyampaian mesej, menggunakan imej-imej sebagai simbol tertentu dan mempunyai makna disebaliknya. Dalam bidang sastera terutamanya novel dijadikan salah satu media untuk menyampaikan mesej yang penting kepada khalayak. Oleh itu, dengan

penerapan teori Semiotik ini khalayak dapat memahami makna sesebuah karya yang dibaca.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikut merupakan dua persoalan kajian:

- 1.4.1 Apakah prinsip semiotik yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang*?
- 1.4.2 Bagaimanakah tanda ikon, indeks dan simbol untuk menggali makna yang terdapat di dalam novel kajian?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai dua objektif kajian iaitu:

- 1.5.1 Mengkategorisasi prinsip semiotik yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang* berdasarkan tanda ikon, indeks dan simbol.
- 1.5.2 Menganalisis tanda ikon, indeks dan simbol untuk menggali makna yang terdapat di dalam novel kajian.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini berkaitan kefahaman pembaca dalam mentafsir makna yang ada dalam teks.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji novel *Leksikon Ledang* dengan menggunakan teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce. Skop kajian tertumpu kepada perpustakaan untuk mendapatkan bahan-bahan dan informasi yang sesuai untuk dibaca, dikaji, dianalisis dan dijadikan sebagai rujukan yang bermanfaat kepada pengkaji lain. Kajian ini menggunakan pendekatan ikon, indeks dan simbol dalam teori Semiotik daripada Charles Sanders Peirce. Pendekatan ini mampu menampilkkan hubungkait antara tanda dengan penerima tanda. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan maklumat daripada novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti (2015). Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif deskriptif dengan menggunakan data sekunder melalui kaedah kepustakaan, analisis teks dan laman sesawang. Isu yang terdapat dalam kajian ini berkaitan dengan perbezaan kefahaman pembaca dalam mentafsir makna dalam teks yang dapat memberi kesan berlainan kepada pembaca.

### 1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji melaksanakan kajian yang berkaitan dengan semiotik dalam novel *Leksikon Ledang*. Antara kepentingan dalam mengkaji kajian ini adalah pengkaji ingin mengembangkan kajian ini sebagai satu kajian yang dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang mengenai teori Semiotik terhadap novel yang memberikan pengajaran kepada setiap individu, institusi, masyarakat dan negara.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji melihat kepada kepentingan untuk pengkaji-pengkaji lain secara individu dan pengkaji pada masa akan datang. Hal ini kerana, kajian ini kurang dijalankan oleh mana-mana pengkaji tempatan. Jika kajian ini dibiarkan secara berterusan tanpa sokongan pengkaji yang lain, maka ianya kurang dipantau dari masa ke masa dan menyebabkan pengkaji lain kurang minat terhadapnya dan informasi mengenai kajian ini berkurang di kalangan pelajar. Oleh itu, dengan maklumat tambahan ini pengkaji berminat terhadap kajian yang dihasilkan sesuai untuk pembelajaran khususnya dalam bidang kesusastraan Melayu.

Pengkaji menghasilkan kajian ini adalah kerana ingin mendedahkan kepada masyarakat mengenai penulisan novel oleh Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti yang mempunyai perkaitan dengan kisah yang dipetik dalam Sulalatus Salatin dengan watak yang moden. Hal ini akan membuatkan pembaca tertarik dengan hasil karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti yang akan mempengaruhi pembaca untuk mengenali karya agung melalui novel fiksyen ini. Secara tidak langsung, pengkaji dapat memartabatkan hasil karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti untuk dikenali oleh masyarakat.

Kepentingan kepada institusi dalam kajian ini dapat dilihat memberikan kelebihan kepada bidang pendidikan di Malaysia untuk menarik minat masyarakat terutamanya di kalangan remaja dan pelajar meminati karya sastera yang jelas akan memberikan kesedaran dan impak yang baik kepada pembaca. Hal ini demikian kerana pengkaji ingin memberi kefahaman kepada golongan remaja dan pelajar untuk mengamati teori Semiotik terhadap aspek pengajaran untuk kehidupan.

Kepentingan kajian yang terakhir adalah untuk negara. Perkara ini dapat dilihat bagi penduduk negara itu sendiri dalam menyebarkan kepada masyarakat agar mengetahui tentang kewujudan kajian yang dijalankan ini. Pengkaji berharap pihak yang berwajib membantu meningkatkan jalur komuniti untuk menambahkan ilmu dan nilai pembacaan kepada masyarakat agar mereka lebih mengetahui mengenai kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang ada di Malaysia. Hal ini bersangkutan juga dengan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji untuk mendedahkan maklumat dan data yang akan dilaksanakan untuk membantu masyarakat dan negara untuk mencapai pembangunan pendidikan dalam aspek ilmuan warisan bahasa.


UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep merupakan kata kunci untuk memberi gambaran tentang tumpuan sesebuah kajian yang dijalankan agar lebih tersusun dan tidak melebihi asas tujuan kajian. Menurut Mana Sikana (2015) penyelidikan merupakan asas dan latihan bagi individu mewujudkan seorang berintelektual. Definisi istilah dan konsep juga menyatakan istilah penting yang terkandung dalam kajian ini seperti:

### 1.8.1 Teori Semiotik

Teori Semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce iaitu Model Tanda *Triadic*. Menurut Hervey (1982) mengatakan pendapatnya mengenai kajian Peirce dapat mengukuhkan lagi dasar pendekatan semiotik sebagai sebuah disiplin kajian yang kukuh hasil gabungan teori di tangan pengkaji Saussure dahulu (Mana Sikana, 2001). Menurut Intan Marlina (2007) menyatakan bahawa Model Tanda *Triadic* terbahagi dalam tiga kategori utama seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model Tanda *Triadic* Peirce

Berdasarkan kepada Model Tanda Triadic, Charles Sanders Peirce ada menjelaskan tentang konsep model tersebut dengan memperihalkan bahawa:

*A sign... (in the form of a representamen) is something that stands to somebody for something in some respect or capacity. It addresses somebody, that is, creates in the mind of that person an equivalent sign, or perhaps a more developed sign. That sign creates what I call the interpretant of the first sign. The sign stands for something, its object. It stands for the object, not in all respects, but about a sort of idea, which I have sometimes called the ground of the representamen.*

(Charles Sanders Pierce. 1986)

Secara kesuluruhannya, Model Tanda *Triadic* Peirce dapat dikaji menerusi tiga pecahan kategori iaitu *representamen* merupakan bentuk yang diambil oleh tanda dan tidak semestinya benda. Selain itu, *object* adalah dirujuk oleh tanda. Manakala *interpretant* pula adalah bukan penafsir seperti orang tetapi makna kefahaman yang ditimbulkan daripada tanda.

Menurut Intan Marlina (2007) Model Tanda *Triadic* Peirce pada tahap kedua iaitu objek, Peirce mengemukakan tiga jenis tanda iaitu ikon, indeks dan simbol. Mana Sikana (2001) mengatakan pendekatan Semiotik menekankan tanda, penanda dan petanda. Selain itu. Penanda dan petanda bersama-sama membentuk suatu lambang atau simbol. Penggunaan lambang dan simbol ada dalam bahasa, maka ia harus diproses bagi mendapatkan makna. Berdasarkan Semiotik Charles Sanders Peirce dalam perlambangan diklasifikasikan kepada tiga prinsip iaitu ikon, indeks dan simbol.

## 1.9 Organisasi Kajian

Kajian penyelidikan ini mempunyai lima bab secara keseluruhannya yang membincangkan mengenai perlambangan dalam novel dengan mengaplikasikan teori Semiotik. Pembahagian organisasi kajian dilakukan agar proses penyelidikan berjalan dengan lancar secara teratur.

### Bab Satu

Bab ini menunjukkan perbincangan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah dan konsep serta organiasi kajian dan kesimpulan didedahkan dalam bab satu.

### Bab Dua

Dalam bab ini akan membicarakan berkaitan kajian literatur yang merangkumi tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang jelas seperti pengkajian mengenai perlambangan, pengkajian mengenai novel Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti, pengkajian tentang teori Semiotik dan diakhiri dengan kesimpulan.

### Bab Tiga

Pada bab tiga pula akan membincangkan mengenai metodologi kajian seperti cara yang digunakan untuk melakukan kajian. Teknik yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan mengumpul data dari sumber internet. Kaedah analisis teks pula akan menggunakan novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida

Ishak dan Fadhli Al-Akiti. Teori Semiotik berdasarkan pandangan Charles Sanders Peirce juga diaplikasikan untuk menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

## **Bab Empat**

Bab ini terdiri daripada analisis dan hasil dapatan kajian. Secara khususnya bab empat akan mengandungi kategori prinsip ikon, indeks dan simbol yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang*. Selain itu, membincangkan kepada pemaknaan kata-kata atau ayat yang terdapat di dalam novel kajian berdasarkan metodologi yang diterapkan dalam kajian ini.

## **Bab Lima**

Dalam bab ini merupakan bab penutup yang akan mengandungi rumusan perbincangan serta dapatan kajian bagi menjawab segala persoalan kajian yang diketengahkan. Kesan kajian dan saranan serta cadangan kajian akan datang juga terdapat dalam bab ini.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.10 Kesimpulan

Tamsilannya, teori Semiotik yang dibawa oleh falsafah barat dalam dunia kesusasteraan membantu dalam teknikal bahasa. Di Malaysia, teori Semiotik telah mengikut acuan kesusasteraan Melayu yang menitikberatkan bahasa indah. Tujuan teori ini dikaji adalah untuk melihat bahawa karya novel fiksyen sains juga mampu memberi manfaat kepada pembaca dan menekankan kepada struktur bahasa dan teks yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji ingin membuat kajian pendekatan Semiotik dalam novel yang dipilih iaitu *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti mempunyai perkataan-perkataan yang menunjukkan perlambangan dalam memberi makna yang tersendiri. Sudah pasti setiap cerapan yang ditulis dalam novel atau sebagainya oleh pengarang mempunyai gaya dan stail tersendiri. Pengkaji melihat bahawa novel ini mempunyai struktural semiotik yang boleh dikaji secara terperinci agar dapat membantu para pembaca dalam memahami makna yang dipilih oleh pengarang.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai sorotan kajian lepas yang merupakan penyelidikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pada bahagian kajian literatur adalah merupakan rujukan kritikal dan mempunyai kaedah untuk mendapatkan maklumat yang terpilih yang terdapat di perpustakaan atau literatur yang membincangkan mengenai fokus topik pengkaji. Tinjauan literatur dengan menggunakan bahan bertulis seperti buku, jurnal dan tesis untuk melaksanakan penyelidikan. Tinjauan literatur juga boleh menggunakan media elektronik seperti laman sesawang di internet, selain daripada bahan bercetak. Dalam penyelidikan pada bahagian ini, perkara yang difokuskan adalah mengenai teori, kaedah, pendapat, pernyataan, penilaian dan laporan penyelidikan yang sesuai dengan tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji. Bagi penyelidikan ini pengkaji telah mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian Literatur adalah penting kerana ia boleh membantu pengkaji dalam penyelidikannya dan membantu pengkaji untuk menguatkan lagi bahan untuk disertakan dalam kajian ini. Maklumat ilmiah ini sangat berguna sebagai rujukan agar maklumat tambahan yang diperlukan dapat mengukuhkan lagi pendapat bagi kajian ini.

## 2.2 Kajian Berkaitan Teori Semiotik

Kajian yang mengenai *Teori Semiotik* oleh Mana Sikana (2001) dalam Jurnal Bahasa mendefinisikan teori Semiotik adalah satu kajian yang dijalankan dengan analisis kepada tanda sebagai satu sistem yang membicarakan subjek yang berkaitan dengan komunikasi dan ekspresi. Selain itu, semiotik mengikuti bahasa sebagai suatu sistem, sistem yang berhubung dengan aspek teknik dan mekanisme pengucapan dan penciptaan dengan memfokuskan penelitian dari sudut komunikasi dan ekspresi. Di sini jelas bahawa semiotik adalah suatu tanda yang ada dalam bahasa dan berhubung dengan komunikasi dan ekspresi sesbuah karya terutamanya karya sastera. Kehidupan manusia yang sukar untuk difahami gerak laku, pertuturan dan perbuatan kerana kaya dengan sistem perlambangan sama ada ia bersifat kabur atau sahih. Oleh itu, perlambangan ini perlu dikaji dan diteliti oleh satu disiplin yang mantap. Penelitian kajian yang dijalankan oleh Mana Sikana (2001) menyatakan bahawa semiotik terbukti banyak membantu menyelesaikan makna-makna tanda yang ada dalam teks.

Kajian mengenai teori Semiotik diteruskan dengan sebuah kajian oleh Intan Marlina (2007). Melalui Jurnal Pengajaran Melayu yang bertajuk *Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera*. Jurnal ini menceritakan mengenai penelitian semiotik Peirce dan Morris dalam karya kesusasteraan Melayu. Semiotik Peirce adalah tanda yang melalui proses semiosis dan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *representamen*, *object* dan *interpretant*. Dalam *representamen* terbahagi kepada tiga jenis iaitu qualisign, sinsign dan legisign. Berdasarkan beberapa contoh yang diberikan oleh kajian Intan Marlina mengenai qualisign seperti dalam novel *Tikus Rahmat* (1963) representamen sebagai Tikus Putih membuatkan warna putih oleh pengarang menunjukkan putih itu adalah qualisign yang diberi kepada tikus itu. Hal ini

melambangkan seseorang itu mempunyai darjat yang tinggi dan mewakili golongan elit yang berpendidikan barat. Seterusnya, sinsign adalah tanda berdasarkan kemunculannya dalam kenyataan (Peirce, 1965:245) sebagai contoh dalam novel *Di Negeri Belalang* (1989) “bangau-bangau sawah” merupakan sinsign pengarang untuk menerangkan tentang kapal terbang tentera jepun sedang terbang di langit. Akhir sekali, legisign adalah *representamen* terdiri daripada undang-undang. Tanda umum dalam karya sastera adalah legisign. Ini dapat disimpulkan karya sastera perlulah difahami oleh masyarakat yang berkongsi atau mempunyai bahasa yang sama. Selain itu, Intan Marlina dalam kajian ini memperlihatkan Semiotik Peirce pada tahap kedua iaitu objek. Didapati bahawa Peirce telah mengemukakan tiga jenis tanda iaitu ikon, indeks dan simbol. Dapat disimpulkan ketiga-tiga jenis tanda ini mempunyai makna yang berbeza dalam proses semiosis untuk mengkaji karya-karya sastera.

Kajian yang dijalankan oleh Sanoda Anak Anyal (2007) telah mengkaji *Kajian Semiotik dari Aspek Watak dan Perwatakan dalam Naskah Si Bongkok Tanjung Puteri* yang cuba untuk menjelaskan mesej dan makna yang tersirat dalam naskah itu. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji lepas adalah kaedah kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji mengatakan dalam pantun menggunakan banyak penggunaan bahasa yang tersirat dan simbolik di mana disebalik simbolik yang dijelaskan pada watak-watak yang ada dalam naskhah itu mempunyai makna. Pengkaji juga menjelaskan struktur bahasa digunakan dalam menyimpan mesej yang tersirat dalam memperlihatkan keadaan sebenar yang pernah terjadi pada masa dahulu. Oleh itu, semiotik dapat membantu dalam mengungkap perwatakan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat terdahulu.

Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan oleh Intan Marlina (2013) dengan tajuk kajiannya iaitu *Ikon Wanita Melayu-Islam dalam Novel Tunggu Teduh Dulu* di dalam Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN). Pengkaji memilih metodologi kajian kualitatif untuk mendapatkan data melalui penganalisisian novel. Penelitian kajian ini menumpukan mengenai ikon seorang wanita muslimah yang mempunyai ciri-ciri wanita Islam iaitu Salsabila yang memenuhi fungsi kepada ikon yang melaksanakan fungsi kepada penandanya. Dalam kajian ini, pengkaji lepas membahagikan kepada beberapa ciri wanita Islam yang melaksanakan fungsi kepada ikon wanita Melayu-Islam berdasarkan nilai aqidah dan akhlak yang telah ditetapkan dalam Islam. Sifat beriman dan bertaqwah yang ada dalam diri Salsabila dapat dilihat dengan tindakannya dalam memenuhi rukun Islam dengan menunaikan solat fardhu lima waktu. Watak utama juga mempercayai kepada kitab Al-Quran dan merasakan jiwanya tenang selepas membacanya setelah Salsabila menghadapi situasi yang sukar. Selain itu, watak Salsabila juga yang berdoa bersungguh-sungguh kepada Allah agar segala bebanan masalahnya akan telera. Seterusnya, ikon wanita Melayu-Islam yang dibawa oleh Salsabila dapat dilihat dengan akhlaknya yang merupakan seorang pemaaf. Melalui kemaafan maka terbitlah dari hati itu nurani yang jujur dan ikhlas. Salsabila sanggup memaafkan kesalahan adiknya Zaman yang dengki terhadapnya. Di samping itu, ikon wanita Melayu-Islam yang ada pada Salsabila adalah kuat bekerja. Berdasarkan analisis pengkaji lepas mendapati Salsabila menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan dalam mengerjakan ladang betiknya yang telah dibakar oleh adiknya Zaman. Walaupun Salsabila menghadapi masalah dengan ladangnya itu, dia tetap berjaya menguruskan dengan baik. Kesabarannya menghadapi dugaan dan masalah hidup ini memperlihatkan bahawa dia memiliki ciri-ciri wanita Islam dan dijadikan sebagai ikon Melayu-Islam dan diangkat martabat seorang wanita melalui

penghasilan karya sastera. Oleh itu, nilai-nilai murni yang terdapat dalam watak utama boleh diterapkan dalam kehidupan seharian wanita lain diluar sana khususnya untuk memperlihatkan kejayaan seorang wanita Islam mengharungi kehidupan yang penuh pancaroba.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Thamimi (2016) mengenai kajiannya iaitu *Semiotik dalam Novel Surat Kecil untuk Tuhan Karya Agnes Davonar*, penelitian teori Semiotik terhadap ikon, indeks dan simbol. Pengkaji lepas memilih metodologi kajian dengan menggunakan deskriptif analisis berbentuk kualitatif iaitu mendeskripsikan bentuk semiotik berkaitan dengan kata-kata, frasa, ayat dan paragraf yang ada dalam novel. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati novel *Surat Kecil untuk Tuhan* karya Agnes Davonar menemukan 41 kutipan yang menunjukkan ikon, 20 kutipan yang menunjukkan indeks dan 21 kutipan yang menunjukkan simbol. Jelaslah disini, teori Semiotik menekankan pada pemahaman dan pemberian makna pada suatu tanda yang digunakan oleh pengarang dalam karyanya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Yanti Dwi dan Adita Widara (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Semiotika dalam Novel Rembulan Tenggelam di Wajahmu Karya Tere Liye* dalam Jurnal Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia. Kajian ini pengkaji lepas menggunakan metodologi kualitatif deskriptif iaitu dengan menganalisis data dengan diperoleh dengan membaca novel dan teknik pengolahan data dengan mencari di perpustakaan, teknik dokumentasi teks dan teknik analisis penelitian kajian ini memfokuskan kepada unsur semiotik yang terdapat dalam novel *Rembulan Tenggelam di Wajahmu* yang mempunyai sistem-sistem dan peraturan-peraturan yang mungkin tanda-tanda tersebut mempunyai maksud atau makna. Berdasarkan hasil dan pebincangan kajian lepas, mendapati bahawa novel *Rembulan Tenggelam di Wajahmu*

terdapat unsur semiotik seperti ikon, indeks dan simbol. Ketiga-tiga tanda ini merupakan gagasan daripada Charles Sanders Peirce, pengkaji lepas mengkategorikan ikon dapat dilihat pada nama bintang, tumbuhan, alam semesta dan panggilan nama. Selain itu, pengkaji lepas mendapati bahawa indeks mempunyai makna hubungan antara alam dan kehidupan, kehidupan dengan keadaan dan segala perbuatan manusia akan mendapat pembalasan nanti di akhirat. Akhir sekali simbol yang terdapat dalam novel ini adalah simbol kepada kehidupan manusia sehari-hari seperti simbol alam, simbol gerak manusia dan sebagainya. Oleh itu, kajian analisis semiotik terhadap novel ini telah menemukan banyak tanda yang tersurat dan analisis ini disampaikan kepada pembaca supaya pembaca dapat menghayati dan hargai karya sastera dan mengetahui sistem semiotik.

Kajian yang dijalankan oleh Adam Mohd Salehuddin dan Nasir Baharuddin (2019) dalam kajian mereka mengenai *Pendekatan Semiotik Terhadap Karya Pembukaan*. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif. Penelitian yang dilakukan adalah dengan menganalisis dokumen melalui proses pendekatan Semiotik. Pengkaji lepas menyimpulkan bahawa pendekatan Semiotik merupakan asas penting dalam mengerjakan sesuatu yang lain dengan sempurna dalam karya seni. Penelitian kajian teori Semiotik dilakukan dalam menilai karya seni yang menjelaskan makna-makna melalui tanda yang divisualisasikan. Pengkaji lepas menggunakan konsep semiotik dalam kajian mereka dan mereka mendapati konsep semiotik mampu menjelaskan makna dalam sesebuah karya seni dengan lebih jelas dan sistematik.

Kajian yang dijalankan oleh Alifatul Qolbi Mu'arruf (2019) mengenai kajiannya dalam Jurnal Universitas Sebelas Maret dengan tajuk kajiannya iaitu *Representasi Masyarakat Pesisir: Analisis Semiotika dalam Novel Gadis Pesisir karya Nunuk Y. Kusmiana* yang di mana penelitian ini menggunakan teori Semiotik daripada Charles Sanders Peirce. Penelitian kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dengan penelitian kepada tekstual. Analisis daripada pengkaji lepas mememukan bahawa kajian semiotik menurut Charles Sanders Peirce terbahagi kepada tiga bahagian iaitu penyerapan signifier seperti dari perkataan “Pesisir” yang menunjukkan atau mengarahkan pada perkara atau objek yang kelihatan hitam, kurus dan raku iaitu indeks. Bagi tahap terakhir pengkaji lepas mendapat bahawa interpretant dalam novel ini mengarahkan terhadap kemiskinan. Perkara ini dapat dilihat dengan tanda-tanda yang tersebar dalam bentuk kata-kata, frasa, atau ayat yang terdapat dalam novel tersebut. Pemahaman mengenai tanda-tanda ini berdasarkan analisis teori Semiotik ini sekaligus pengkaji lepas dapat memberi pemahaman dan gambaran mengenai kehidupan masyarakat pesisir Papua. Hal ini kerana, masyarakat pesisir Papua kebanyakannya terdiri daripada pendatang yang memiliki masalah dan isu yang berkaitan mengenai sosial iaitu kemiskinan. Pengkaji lepas menganalisis makna-makna dalam novel ini yang berfokus kepada kehidupan masyarakat di wilayah pesisir Papua dan kehidupan sosial yang diketengahkan menjadi fokus kajian ini.

Kajian yang dijalankan oleh Elfira dan Rozaliya (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Semiotik Novel 121 Hari di Shimotsuma karya Boby Julian*. Kajian ini dilakukan untuk menghuraikan penggunaan ikon, indeks dan simbol yang terdapat dalam novel *121 Hari di Shimotsuma* karya Boby Julian. Pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data dengan teknik baca lihat dan teknik catat untuk mencari kutipan yang berkaitan dengan semiotik ikon, indeks dan simbol. Novel merupakan hasil karya

imaginasi pengarang yang di mana ianya bersifat realiti yang berlaku dalam kehidupan manusia dan mengandungi nilai-nilai murni yang dapat diaplikasikan oleh pembaca. Di dalam novel juga banyak mengandungi kata-kata puitis dan indah sehingga membuatkan penonton rasa tersentuh apabila membacanya. Novel *121 Hari di Shimotsuma* antara karya yang pengkaji lepas pilih disebabkan oleh bahasa yang digunakan dalam novel ini meluas di kalangan masyarakat dan mengandungi semiotik yang banyak dengan tanda-tanda ikon, indeks dan simbol. Dengan adanya pengkajian ini yang memfokuskan kepada semiotik dalam novel khususnya mengenai ikon, indeks dan simbol kita boleh mengetahui penggunaan yang sebenar daripada tulisan pada novel tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Nurmaya Sari, Anshari dan Usman (2021) di dalam Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia dalam kajian mereka dalam *Novel Tarian Bumi karya Oka Rusmini (Kajian Semiotik Charles Sanders Peirce)* yang menemukan kata, frasa atau klausa yang mengandungi ikon, indeks dan simbol di dalam novel *Tarian Bumi*. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif melalui makna ikon, indeks dan simbol. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan tiga teknik iaitu teknik dokumentasi, teknik baca dan teknik catat. Bagi analisis data pula, pengkaji lepas menggunakan reduksi data, penyajian data dan penyimpulan serta verifikasi data. Penelitian teori Semiotik ini sangat penting dilakukan kerana perkembangan zaman yang semakin pesat, membuatkan novel ini terus ditulis dan dibaca. Novel yang menarik ditulis oleh pengarang hendaklah mengikut gaya bahasa dan imaginasi pengarang. Justeru itu, dengan adanya penggemar karya sastera khususnya membaca novel masih ada segelintir sukar menafsirkan makna yang hendak disampaikan oleh pengarang. Pengkaji lepas menggunakan teori Semiotik Charles Sanders Peirce adalah kerana perkaitan dan kerelevan yang terdapat dalam novel ini. Dengan menggunakan teori

daripada Charles Sanders Peirce lebih mudah difahami dan jelas mengenai pengklasifikasiannya di antara ikon, indeks dan simbol. Penggunaan teori ini dapat memudahkan penulis dalam memahami dan memaknai.

Kajian yang dijalankan oleh Tuti Meliuna, Surastina dan Andri Wicaksono (2022) dalam Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia mengenai *Kajian Unsur Intrinsik dalam Novel Surga Yang Tak Dirindukan karya Asma Nadia (Suatu Tinjauan Struktural Semiotik)*. Pengkaji lepas menjalankan kajian ini dengan menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif untuk mendapatkan keabsahan data yang diperoleh dengan pengamatan atau pembaca dengan cara membaca dan memahami teks secara teliti. Kajian bagi ketiga-tiga pengkaji ini memfokuskan mengenai unsur intrinsik yang di mana pengkaji lepas mendapati unsur yang membangunkan karya sastera daripada bahagian dalam. Novel adalah salah satu bentuk karya sastera, karya fiksi ini dibangunkan melalui pelbagai unsur intrinsik. Antara unsur intrinsik meliputi tema, plot, dialog, tokoh, setting dan lain-lain. Selain itu, berdasarkan kajian pengkaji lepas mendapati wujud hubungan antara tanda dan acuannya yang ditemukan dalam novel ini dengan meliputi ikon, indeks dan simbol. Yang pertama ikon topologis yang terdapat pada gambar kulit buku yang terdiri daripada tokoh novel *Surga Yang Tak Dirindukan*. Contohnya, watak Arini dengan memakai tudung dengan raut muka yang kelam, lembut dan anggun dan juga gambar wajah seorang lelaki yang di mana nama wataknya ialah Pras dengan wajah yang tampan dan gagah menunjukkan yang Pras memiliki ikon seorang yang bertanggungjawab dalam rumah tangganya. Akhir sekali, watak seorang perempuan yang rambutnya terurai dan tidak mengenakan tudung di kepalanya yang bernama Mey Rose dengan raut wajah yang sinis dan licik menunjukkan Mey Rose merupakan watak antagonis. Pengkaji lepas juga mendapati bahawa novel ini wujud hubungan tanda indeks di mana seorang suami membelikan

sebuah kereta untuk isterinya dan sebelum membeli kereta tersebut mereka bertanya tentang bahan bakar kereta tersebut. Tanda yang terakhir yang didapati oleh pengkaji lepas adalah simbol. Berdasarkan novel *Surga Yang Tak Dirindukan* ini perkataan istana sebagai simbol rumah tangga dan perkataan serpihan kaca yang berselerak dan menusuk-nusuk menunjukkan simbol kehancuran rumah tangga Arini dan Pras. Oleh itu, penggunaan bahasa yang disampaikan oleh pengarang dalam novel ini difahami oleh pembaca dengan adanya penerangan yang disampaikan oleh pengkaji lepas.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohammad Khairulanwar (2020) tentang *Analisis Semiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Melayu*. Kajian ini, pengkaji lepas telah menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi metodologi kajian ini. Pengkaji lepas menggunakan kaedah kajian dengan menganalisis kandungan, perbandingan analisis teks dan pengiraan kekerapan. Justeru itu, pengkaji telah mendapati pendekatan Semiotik dalam pantun nasihat dan pantun budi yang mempunyai unsur flora dengan melihat konsep lambang yang sesuai. Hal ini kerana lambang yang ditandai dalam pantun kebiasaanya memaparkan makna atau maksud tersirat yang perlu dirungkai supaya makna sebenar disampaikan kepada pembaca dapat difahami. Kajian semiotik diberikan tumpuan kepada aspek dengan memperlihatkan unsur flora berfungsi sebagai pembayang pantun.

Kajian yang dijalankan oleh Sahidin dan Zakaria (2020) yang bertajuk *Kajian Ikon, Indeks dan Simbol dalam Cerita Legenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik*. Metodologi kajian yang dipilih oleh pengkaji lepas adalah pendekatan kualitatif dengan menjalankan kajian kepustakaan. Kajian yang dilakukan adalah mengenai menghargai wanita di Lombok kerana ia merupakan satu identiti bagi masyarakat Lombok dan perkara ini telah lama bertapak dalam jiwa dan kehidupan masyarakat di Lombok.

Perkembangan cerita legenda di tengah masyarakat Lombok yang menceritakan tentang wanita mereka mempercayai bahawa wanita sebagai sumber kehidupan. Hal ini kerana dalam beberapa cerita legenda di Lombok seperti cerita Mandalika dan Dewi Anjani yang keduanya memiliki unsur ghaib dan dipercayai oleh masyarakat Lombok sehingga kini. Simbol-simbol yang dapat dilihat dalam kajian ini dengan mengaplikasikan aspek ikon, indeks dan simbol berdasarkan pada teori Semiotik Charles Sanders Peirce (1931-58). Rumusannya, dalam cerita legenda juga mempunyai tanda yang memberikan makna tersurat dan tersirat yang disampaikan sepertimana kedua cerita ini memiliki tanda ikon keterampilan atau penanda bakat contohnya Puteri Denda Mandalika yang pandai menenun mengikut tradisi kepercayaan masyarakat Lombok bahawa seorang wanita itu haruslah pandai menenun sehingga sempurna dan menjadi seorang wanita Sasak dan mereka percaya bahawa wanita boleh berkahwin apabila wanita itu sudah boleh menenun sehelai kain. Selain itu, pengkaji lepas juga mendapati bahawa tanda indeks boleh dikaitkan dalam cerita legenda Lombok ini seperti indeks perilaku. Sebagai contoh indeks perilaku dapat dilihat pada kedua tokoh legenda Lombok ini adalah semangat yang tinggi, adil, sederhana dan lain-lain. Akhir sekali, pengkaji lepas dapat mewujudkan hubungan antara simbol dalam cerita Lombok dengan budaya masyarakat Lombok. Antaranya simbol kepercayaan kepada kekuatan magis dan simbol kekuasaan dan kedaulatan. Ikon, indeks dan simbol yang didapati dalam kedua cerita legenda saling berkait rapat dengan budaya masyarakat Lombok dan masih wujud hingga ke hari ini.

Menurut Medri Osno (2018) tentang kajiannya yang bertajuk *Rubayat Hamzah Fansuri: Kajian Strukturalisme Semiotika* di dalam Jurnal Genta Bahtera. Pengkaji lepas menjalankan kajian ini dengan menggunakan kualitatif iaitu naratif deskriptif. Pengumpulan data yang dijalankan dengan menggunakan kaedah semak dan teknik

mencatat. Analisis yang dijalankan pengkaji lepas menggunakan gabungan kaedah agihan dan kaedah padanan yang merujuk kepada model analisis Strukturalisme Semiotika. Kajian ini menumpukan kepada penemuan bentuk struktur Rubayat Hamzah Fansuri. Selain itu, pengkaji lepas menemukan makna melalui pembacaan Semiotik dan juga melalui pembacaan heuristik serta menemukan makna melalui pembacaan hermeneutik. Secara keseluruhannya, dapat ditemukan bentuk struktur bahasa adalah melalui sistem pemakaian diksi yang memiliki proses sosial yang pelbagai. Kepelbagaiaan ini menentukan dan ditentukan oleh diksi yang berstruktur berdasarkan keperluan. Pemaknaan karya secara Semiotik ditentukan melalui pembacaan secara hermeneutik di mana dalam Rubayat banyak menggunakan metafora. Jelaslah bahawa, dalam persajakan di Nusantara dan ssastera Melayu secara khususnya akan menimbulkan daya pesona sajak sehingga menarik perhatian.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Muhammad Azhar Adi Mas'ud (2023) tentang *Tanda Terkait Konstruksi Sosial dalam Kumpulan Cerpen Kukila Karya M. Aan Mansyur: Telaah Semiotika Charles Sanders Peirce* dalam Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan. Dalam penelitian kajian ini pengkaji lepas menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dengan menggunakan teori Semiotik Charles Sanders Peirce iaitu mengenai triadik. Data yang diperolehi adalah berupa frasa, kata atau ayat yang mengandungi tanda-tanda berkaitan dengan konstruksi sosial dalam kumpulan cerpen. Pengkaji lepas juga menjalankan pengumpulan data dengan menggunakan tiga teknik iaitu membaca, mendengar dan mencatat. Rumusannya, kajian ini mengetengahkan mengenai tanda-tanda yang digambarkan dalam kumpulan cerpen Kukila karya M. Aan Mansyur dengan konteks konstruksi sosial. Terdapat 15 cerpen yang dipilih oleh pengkaji lepas dan hasil analisis mendapati terdapat konstruksi sosial yang berlaku di antara lelaki yang terkait dengan konstruksi sosial (berkaitan dengan gender),

permasalahan yang berkaitan dengan konstruksi sosial dan pengkhianatan serta pengorbanan. Sebagai contoh, dalam cerpen Tiba-tiba Aku Florentino Ariza yang mengisahkan mengenai pasangan berkahwin yang tidak dikurniakan anak kerana mengalami kemandulan, kemudian isteri melakukan hubungan seksual dengan lelaki lain agar dapat keturunan dan terlepas dari tekanan orang tua. Oleh itu, penelitian ini terdapat pemilihan kata yang menggunakan ikon (dua bukit indah di dadanya), indeks (kami sempat bersetigang) dan simbol (mandul) yang digunakan oleh M.Aan Mansyur untuk menyampaikan makna dan tanda dalam cerpen pilihan dan cerpen yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Diana Mawati et al. (2021) yang bertajuk *Kajian Semiotika Puisi-puisi Pengagum Rindu oleh M. Hanfanaraya Menggunakan Pendekatan Semiotika* dalam Jurnal Suluh Pendidikan. Kaedah kajian ini adalah penelitian kualitatif dengan menggunakan kualitatif deskriptif dan teknik pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji dengan teknik hermeneutik dan dokumentasi. Kajian ini menumpukan kepada unsur semiotik yang dibawa oleh Peirce iaitu ikon, indeks dan simbol yang terdapat dalam puisi-puisi Pengagum Rindu. Pengkaji lepas mendapati bahawa aspek ikon dalam puisi tersebut mempunyai 58 data yang terdiri daripada kata seperti ikon makhluk dalam puisi Pernyataan Rindu yang mempunyai hubungan petanda dengan sesuatu yang diciptakan oleh Tuhan contohnya manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Seterusnya, pengkaji lepas juga membahaskan aspek indeks mempunyai empat data, antaranya dalam puisi Asal Kau Berkenan seperti ‘biarkan rindu ini terbang bebas bertebaran dalam ruang diri (sebab)’ dan hubungan petanda ‘bahkan menjadi candu pun aku takkan mengulurkannya pergi (akibat)’. Akhir sekali, pengkaji lepas mendapati aspek simbol dengan enam data. Misalnya, dalam puisi Sunguhan Rindu iaitu simbol ‘terima kasih’ yang mempunyai hunungan petanda rasa syukur yang terbentuk kerana mempunyai kesepakatan sebagai satu ucapan rasa syukur

terhadap sesautu. Oleh itu, pengkaji lepas berjaya mengemukakan data yang ada sesuai dengan pendekatan Semiotik bagi melihat makna konotatif yang ada dalam puisi-puisi Pengagum Rindu.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Jyh Wee Sew (2016) yang bertajuk *Analisis Kajian Sastera: Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan*. Kajian ini memperlihatkan kauliti sesebuah kajian yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu penampilan luara dan struktur dalaman. Penelitian kajian ini Jyh Wee Sew menggunakan kaedah penganalisisan teks menerusi penelitian bab ke bab dan mengaplikasikan teori Semiotik bagi melihat ketepatan menggunakan teori tersebut. Hasil penilitian kajian pengkaji lepas dapat i kajian ilmiah yang mengandungi perbincangan mengenai semiotik berlaku keterbatasan pada hubungan penanda dan petanda. Penggunaan ikon, indeks dan simbol dalam analisis novel-novel memaparkan bahawa kajian semiotik hanya setakat mengemukakan istilah semiotik sebagai satu katalog penganalisisan novel Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Saipuddin Suliman et al. (2023) dalam Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu mengenai *Puisi Konkrit: Satu Penelitian Berdasarkan Pendekatan Semiotik*. Pengkaji lepas menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik analisis kandungan. Kaedah ini bersesuaian dengan teknik pengumpulan material data dan analisis data bersandarkan teks kajian. Tambahan pula, metodologi kajian makalah ini juga mengaplikasikan empat kaedah penganalisisan dengan menggunakan pendekatan Semiotik oleh Ferdinand de Saussure, Charles Sander Peirce, pendekatan *Myth* dan konsep *Three Cinematic Sign* menerusi teori tanda Peter Wollen. Kajian pengkaji lepas memfokuskan kepada puisi Tri-V “Gakgakgak” dengan dibahagikan kepada dua penelitian. Pertama, meneliti kaedah penganalisisan pendekatan Semiotik dan yang kedua pula menganalisis maksud-maksud perlambangan yang akan

ditafsir. Pendekatan semiotik memainkan peranan bagi tanda dan petanda dalam merungkai makna tersurat dan tersirat dalam puisi kajian. Hasil dapatn kajian lepas mendapati puisi ini mempunyai makna yang ingin disampaikan iaitu mengangkat suara masyarakat kelas bawahan dalam menuntut hak mereka yang dirampas dan di pinggirkan. Sebagai contohnya, ungkapan ‘api’ dalam puisi tersebut menerangkan sebagai simbol kepada cahaya. Oleh itu, pengkaji lepas mendapati bahawa puisi Tri-V ini dapat difahami dan memberi pandangan yang jelas serta pemahaman kepada pembaca tentang permasalahan masyarakat tempatan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 2.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, melalui kajian literatur ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian melalui kajian terdahulu. Antaranya dikategorikan melalui aspek kajian melibatkan kajian semiotik dalam seni dan sastera, semiotik dalam novel dan unsur keindahan bahasa dalam novel dalam memahami maksud penulisan.

Seluruh kajian lepas yang dinyatakan adalah mempunyai kaitan dengan teori Semiotik. Oleh itu, pengkaji meneliti aspek-aspek yang melibatkan semiotik yang merupakan satu disiplin yang mantap dalam penulisan khususnya menjadi panduan utama dalam penghasilan karya kesusastraan. Namun, kajian berkaitan dengan semiotik dalam hasil karya sastera kurang mendapat perhatian tempatan sepenuhnya. Malah, kajian-kajian mengenai semiotik dalam novel lebih banyak dilakukan oleh pengkaji dari Indonesia. Justeru itu, wajarlah untuk pengkaji melakukan penambahbaikan rujukan untuk pengkaji tempatan pada masa hadapan. Inilah kerelevan pengkaji untuk meneliti teori Semiotik dalam novel *Leksikon Ledang* (2015) dengan tidak mengulangi kajian-kajian yang lain yang telah dinyatakan di atas.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian merupakan satu kaedah penelitian ilmiah untuk tujuan penyelidikan yang dilakukan secara sistematik untuk mencapai objektif serta menjawab persoalan kajian dengan cermat dan bersungguh-sungguh (Irawan Soehartono, 2000). Selain itu, metodologi kajian juga merupakan satu kaedah di mana terdapatnya reka bentuk, mengumpul data dan menganalisis data yang diperolehi dari buku. Hal ini demikian kerana dengan adanya kaedah yang digunakan dapat menghasilkan bukti yang kukuh bagi menyokong sesuatu penyelidikan. Seterusnya, metodologi kajian juga dapat menerangkan sesuatu masalah dan sebab kaedah tersebut digunakan dalam penyelidikan ini. Metodologi kajian juga bertujuan untuk memberi kefahaman dengan lebih jelas mengenai pengaplikasian kaedah yang digunakan didalam ini dengan menghuraikan proses-proses kaedah tersebut.

Pada bahagian ini, terdapat beberapa pecahan yang telah disediakan iaitu reka bentuk kajian, kaedah kepustakaan dan teks. Pecahan-pecahan tersebut digunakan bagi memenuhi kemahuan objektif kajian dengan lebih tepat dan terperinci. Dengan demikian, kajian ini akan mengaplikasikan kaedah kajian berikut untuk mencapai objektif kajian.

Oleh hal demikian, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif. Hal ini kerana kajian kualitatif ini melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah kepustakaan dan teks yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui novel *Leksikon Ledang (2015)* bagi memudahkan dalam proses pengumpulan data yang sesuai dengan kajian ini. Kemudian pengkaji mengaplikasikan teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce dalam kajian yang bertajuk Kajian Perlambangan dalam novel *Leksikon Ledang (2015)* menggunakan teori tersebut.

### 3.2 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah merupakan salah satu kaedah kajian yang tidak mampu dijelaskan dengan data yang mana terdapat juga perkara-perkara yang tertentu membataskan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan mudah. Namun, terdapat kaedah yang mampu digunakan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah yang memerlukan pemerhatian yang sangat teliti melibatkan tajuk yang ingin dikaji tersebut. Kaedah ini khususnya, pengkaji haruslah memandangkan dari sudut yang lain seperti ciri-ciri emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan perasaan manusia bagi sesuatu kumpulan yang tertentu atau perkara yang semula jadi bagi mengelakkan sesuatu perkara yang buruk berlaku semasa ingin menjalankan tugasannya ini.

Seterusnya, data kualitatif pula diperoleh dengan cara pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen atau apa-apa maklumat yang khusus untuk mendapatkan data yang tepat serta lengkap. Antara kaedah kajian ini adalah kajian melalui tindakan, kajian kes, kajian lapangan serta analisis daripada dokumen.

Oleh hal demikian, pengkaji memilih kaedah kualitatif sebagai satu pendekatan yang berbentuk atau bersifat deskriptif yang di mana terarah kepada penguraian ‘makna’ terhadap perkara-perkara yang dikaji untuk memudahkan pengkaji untuk memperolehi dan mengumpulkan data, analisis dan maklumat yang berkait rapat dengan tajuk kajian terpilih iaitu Kajian Perlambangan dalam Novel *Leksikon Ledang*: Satu Penelitian Toeri agar dapat menghasilkan satu kajian penyelidikan yang berilmiah.

### 3.3 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan proses atau kaedah penyelidikan teori untuk mengenalpasti masalah, pengumpulan data dan analisis serta kerangka teori yang diaplikasikan di dalam kajian yang dijalankan bagi menjawab dan menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa menjalankan kajian ini (Mokmin Basri, 2012). Selain itu, terdapat tiga pecahan dibawah reka bentuk kajian iaitu pendekatan kuantitatif, pendekatan kualitatif dan campuran. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji akan memilih dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam memastikan matlamat kajian dapat dicapai dengan baik dan terancang. Oleh hal demikian, kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif yang menganalisis kandungan teks untuk melihat prinsip-prinsip Semiotik daripada pelopor Charles Sanders Peirce yang terkandung dalam novel *Leksikon Ledang* hasil kepengarangan Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti (2015). Sudut pandang yang ditujukan dalam teori Semiotik ini adalah mengenai prinsip simbol, ikon dan indeks yang digunakan melalui frasa kata-kata dalam penulisan novel *Leksikon Ledang* (2015).

Bagi memastikan kajian ini mempunyai sasaran yang dituju terdapat dua objektif kajian yang difokuskan dalam memenuhi kriteria yang menjawab kepada tajuk kajian pengkaji. Objektif yang pertama dalam kajian ini adalah ‘Mengkategorikan prinsip semiotik yang terdapat dalam novel Leksikon Ledang berdasarkan tanda ikon, indeks dan simbol’. Seterusnya, objektif kajian kedua adalah ‘Menganalisis tanda ikon, indeks dan simbol untuk menggali makna yang terdapat di dalam novel kajian’. Berdasarkan kedua-dua objektif kajian ini bertujuan untuk menjawab segala persoalan yang terdapat dalam kajian ini supaya pembaca dapat kejelasan untuk memahami makna atau tanda mengikut kefahaman pembaca terhadap prinsip Semiotik Charles Sanders Peirce dalam novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti (2015).

Seterusnya, kaedah kajian yang digunakan dalam menghuraikan dan menjawab kepada persoalan-persoalan pengkaji secara ilmiah kepada tiga kaedah. Antara kaedah yang membantu kepada kajian ini adalah kajian kepustakaan, kaedah laman sesawang dan kaedah analisis tekstual. Ketiga-tiga kaedah ini ada perbezaannya tersendiri namun mempunyai matlamat yang sama agar dapat memberikan maklumat yang sahih dan tepat untuk memastikan kajian ini berada dilandasan yang tepat.

Berdasarkan perkara-perkara yang dijalankan sesuai dengan perkara di atas, ia memberikan pendedahan dan membuka ruang pemikiran pengkaji untuk mendapatkan dapatan kajian untuk menghuraikan analisis terhadap data yang diperolehi. Menerusi bahagian ini, pengkaji menyatakan terhadap segala data yang diperolehi dan dikupas dengan terperinci agar mampu mencapai tujuan kajian yang telah dirangka pada bahagian rangka awal kajian.

### 3.4 Kaedah Kajian

#### 3.4.1 Sumber Data Sekunder

Data Sekunder lazimnya merupakan maklumat yang diperolehi melalui kajian lepas iaitu penelitian tangan kedua.

##### i. Kaedah Kepustakaan

Pengkaji memilih dan menggunakan kaedah kepustakaan ini bagi memudahkan pengkaji untuk mencari dan mengumpul maklumat yang bersesuaian dan berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan secara terperinci dan berhemat daripada golongan intelektual yang mempunyai penguasaan yang mapan. Kaedah ini melibatkan pengkaji untuk melakukan pembacaan terhadap beberapa jenis dokumen iaitu artikel, jurnal, tesis-tesis para saujana lepas dan buku-buku ilmiah. Pengkaji juga mendapatkan maklumat mengenai kajian *Kajian Perlambangan dalam Novel Leksikon Ledang: Satu Penelitian Teori Semiotik* di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Maklumat yang diperolehi itu haruslah daripada sumber-sumber yang sahih dan telah ditapis terhadap keaslian penulisannya.

##### ii. Kaedah Analisis Teks

Pengkaji memilih dan menggunakan rujukan teks bagi memudahkan pengkaji mencari kajian yang sesuai bagi menyokong penulisan penyelidikan yang dihasilkan itu. Pengkaji juga perlu melalui beberapa proses bagi mendapatkan bukti yang jitu iaitu proses membaca, meneliti dan menganalisis prinsip teori Semiotik yang terkandung dalam novel *Leksikon Ledang*. Melalui teks ini pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih jelas bagi mendapatkan maklumat atau data berkaitan dengan perbezaan kefahaman pembaca melalui prinsip semiotik yang berkaitan. Hal ini demikian kerana

dengan kaedah teks ini pengkaji dapat maklumat dengan lebih terperinci kerana pengisian penulisan dan tema di dalam teks tersebut memudahkan pengkaji supaya tugas ini diselesaikan dengan cemerlang. Seterusnya, pengkaji akan menilai dan membuat analisis tekstual melalui proses analisis teks agar pengkaji dapat memahami teks novel dengan menganalisis teks novel *Leksikon Ledang* (2015).

- 1) Buku Novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti (2015)

Kaedah kajian analisis teks merupakan kaedah kajian dengan mengumpulkan buku yang diperlukan untuk tujuan analisis dan pengumpulan data secara deskriptif ke atas novel kajian *Leksikon Ledang*. Sumber data utama yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah novel *Leksikon Ledang* yang diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd pada tahun 2015 di Cheras, Kuala Lumpur. Terbitan pertama novel ini adalah pada tahun 2015 dan memiliki ketebalan isi 286 halaman. Pengumpulan data juga dilakukan dengan memanfaatkan sumber kajian daripada bahan rujukan ilmiah seperti jurnal dan buku yang berkaitan dalam membantu dalam penguraian fokus kajian ini.

### iii. Kaedah Laman Sesawang

Pengkaji juga menggunakan kaedah rujukan daripada laman sesawang yang berkaitan dengan pendidikan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam penyelidikan. Pengkaji melayari laman sesawang untuk mendapatkan rujukan yang berkualiti supaya dapat membantu usaha pengkaji dalam mendapatkan maklumat. Antaranya adalah hasil dapatan kajian pengkaji daripada laman sesawang seperti *google scholar, academia dan research gate* mengenai teori Semiotik penghasilan penulisan daripada para-para sarjana dan lain-lain.

## 3.5 Pengumpulan dan Pemprosesan Data

Pada bahagian proses pengumpulan data yang merupakan proses yang diterapkan untuk mengumpul sesuatu data atau maklumat yang berkaitan dengan kajian. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam memastikan data dapat dikumpul dengan baik untuk mencapai objektif kajian. Justeru itu, pengkaji telah memilih pengumpulan dan pemprosesan data dengan menggunakan teknik memoing dan analisis data dengan kaedah analisis wacana atau *discourse analysis* bagi mendapatkan data dengan menjawab objektif kajian.

### 3.5.1 Memoing

Memo adalah catatan-catatan yang dibuat peneliti untuk menghuraikan idea-idea yang saling berhubung dengan data dan kategori-kategori yang dikodekan (Djoko Murdowo, 2017). Hal ini dapat dijelaskan memo adalah catatan-catatan yang dibuat oleh pengkaji untuk diri sendiri dalam merangka dan menyusun hipotesis kajian. Menurut Glasser (1998) memoing adalah proses mencatat pemikiran-pemikiran dan gagasan dari pengkaji semasa perkara itu muncul selama penyelidikan (Murdowo, 2017). Dalam

penulisan memo ini perlulah diberikan keutamaan kerana idea mengenai dengan hubungan-hubungan antara kategori-kategori boleh wujud bila-bila sahaja dan pengkaji perlulah mencatat dengan segera.

Berdasarkan penjelasan di atas dapat dirumuskan bahawa memoing adalah proses membaca data yang telah dikumpulkan sesuai dengan persoalan dan objetif kajian, kemudiannya memberi catatan khusus untuk menyingkap setiap sumber dan pembuatan kode. Penghasilan data dari analisis diberi catatan sehingga menghasilkan data yang dapat membantu lebih memahami perbezaan kefahaman pembaca dalam mentafsir sesebuah teks dengan berkesan melalui gagasan atau pemikiran yang berilmiah.

### **3.5.2 Analisis Data**

Analisis data merupakan satu kaedah yang di mana proses kajian terhadap penyelidikan agar mendapat maklumat yang menepati dengan objektif kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan dua kaedah analisis data iaitu kaedah analisis wacana (*discourse analysis*).

#### **a) Kaedah Analisis Wacana**

Kaedah analisis wacana atau *discourse analysis* merupakan kaedah penyelidikan untuk mengkaji tentang tulisan atau bahasa percakapan yang berkaitan dengan konteks sosial. Analisis wacana ini bertujuan bagi memahami bagaimana bahasa digunakan dalam situasi kehidupan sebenar. Selain itu, analisis wacana adalah kualitatif dan tafsiran metodologi dengan menganalisis teks. Kenyataan tersebut disokong Barbara Johnstone (2018) analisis wacana atau *discourse analysis* biasanya contoh sebenar tindakan komunikasi dalam perantara bahasa, walau bagaimanpun ada yang mentakrifkan istilah

tersebut dengan lebih tepat sebagai ‘tingkah laku simbolik yang bermakna’ dalam pelbagai cara. Justeru itu, dengan kaedah analisis wacana pengkaji dapat membuat interpretasi berdasarkan kedua-dua perincian bahan itu sendiri dan pada pengetahuan kontekstual.

Menurut Gee dan Handford (2012) dalam buku mereka iaitu *The Routledge Handbook of Discourse Analysis* telah membahagikan analisis wacana kepada 13 jenis pendekatan, antaranya adalah analisis wacana kritis, analisis naratif, linguistik sistematik-fungsional, analisis wacana dan interaksi sosiolinguistik dan sebagainya. Di samping itu, menurut Wong (1995) beliau telah meninjau mengenai sejarah perkembangan analisis wacana dapat disimpulkan bahawa analisis ini perlu dikembangkan menjadi satu pendekatan yang saling melengkapi dengan teori-teori atau pendidikan yang ada wujud dalam linguistik Melayu (Chang Yee Piyan, 2014). Bertitik tolak daripada itu, secara singkatnya analisis wacana adalah suatu kaedah untuk mengkaji pesan-pesan komunikasi yang terkandung dalam wacana secara tekstual mahupun kontekstual. Oleh itu, tujuan analisis wacana ini berupaya mengungkapkan maksud tersembunyi dari penulis atau percakapan yang mengemukakan suatu pernyataan.


Rentetan daripada di atas, kaedah analisis wacana ini adalah kajian yang akan menganalisis petikan-petikan teks yang akan diambil berdasarkan novel kajian. Justeru itu, objektif yang ditetapkan akan dijawab menggunakan teks-teks yang telah dikenalpasti. Oleh itu, analisis petikan teks akan diteruskan oleh pengkaji dengan menggunakan perspektif semiotik oleh Charles Sanders Peirce bagi menjawab isu-isu yang berkaitan agar dapat memberikan satu nilai kepada pengkaji untuk melaksanakan analisis kajian terhadap perbezaan kefahaman pembaca dalam mentafsir sesebuah teks

yang terkandung dalam novel *Leksikon Ledang* dengan penggunaan teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 3.6 Kerangka Metodologi Kajian



**Rajah 3.1:** Carta Alir Metodologi Kajian

Berdasarkan gambar rajah 3.1 di atas, menunjukkan carta alir bagi metodologi kajian yang menerangkan mengenai kaedah-kaedah yang diaplikasikan dalam kajian. Pengkaji telah mengenalpasti kajian literatur diambil daripada maklumat buku dan maklumat yang berkaitan dengan novel untuk dijadikan bahan kajian. Selain itu, terdapat pernyataan masalah berkaitan isu-isu yang saling berkait dengan persoalan kajian, objektif kajian yang dijadikan sebagai penanda arah kajian yang dihasilkan. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dan reka bentuk kajian adalah

dokumentasi dokumen yang melibatkan teks atau wacana untuk menentukan dan mencari data kajian yang tepat. Proses pengumpulan data pula adalah untuk mendapatkan analisis data dan dapatan kajian, pada akhirnya rumusan kajian dapat dihasilkan setelah melalui kaedah-kaedah yang dilakukan.

### 3.7 Penerapan Teori Semiotik

Teori semiotik telah diasaskan oleh dua orang falsafah barat iaitu Ferdinand de Saussure dan kemudian teori Semiotik dikembangkan oleh Charles Sanders Peirce. Semiotik merupakan ilmu atau kaedah analisis untuk mengkaji tanda yang di mana maksud tanda adalah mewakili sesuatu lain seperti bentuk pengalaman, pikiran, perasaan, gagasan dan sebagainya. Oleh itu, tanda sebenarnya tidak hanya pada bahasa saja, tetapi meliputi pelbagai hal tentang kehidupan.

Menurut Burhan Nurgiyantoro (1994) perkembangan atau alur galur teori Semiotik sehingga kini dapat dibezakan dengan dua jenis semiotik iaitu semiotik komunikasi dan semiotik signifikasi. Dalam teori Semiotik berdasarkan pandangan Saussure, tanda dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penanda dan petanda. Penanda merupakan bentuk fizikal sesuatu tanda manakala petanda pula ialah konsep yang merujuk kepada penanda. Sebagai contoh, perkataan B-U-K-U ialah petanda dan imej bagi buku adalah penanda. Jelaslah bahawa, penanda dan petanda membentuk suatu lambang atau simbol yang digunakan dalam bahasa.

Seterusnya, meneliti kepada teori Semiotik oleh dua orang pelopor atau ahli falsafah iaitu Charles Sanders Peirce (1839-1914) dan Charles William Morris (1901-1979) mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Menurut Intan Marlina (2007) mengatakan bahawa tokoh Morris merupakan pengikut Charles Sanders Peirce yang paling dekat di mana beliau banyak ambil konsep yang dibawa oleh Peirce ini yang mengutamakan mengenai proses *semiosis triadic* dalam teori mereka. Setelah itu, semiotik semakin berkembang dengan dibawa oleh dua orang pelopor barat iaitu Peirce dan De Saussure pada abad 19 dan lahir beberapa tokoh serta pengikut-pengikut Peirce dan De Saussure antaranya Charles Morris (1995).

Rentetan daripada di atas, kajian ini akan diteliti dan dikaitkan dengan teori Semiotik oleh pelopor Charles Sanders Peirce dalam karya sastera Melayu. Teori Semiotik merupakan kajian yang menyentuh kepada aspek-aspek disiplin ilmu. Gabungan konsep antara teori Semiotik dan pernyataan telah menjadi satu proses yang bermanfaat dalam penyelidikan. Pada awalnya, semiotik ini telah dicadangkan oleh Peirce akan tetapi pada pihak Saussure pula lebih berminat dengan semiologi bagi penamaan teori ini. Perkataan ‘semiotika’ ini telah digunakan oleh seorang pelopor atau ahli falsafah dari Jerman iaitu Lambert pada abad 19. Menurut Mana Sikana (2001) mengatakan semiotik ini digunakan oleh Charles Sanders Peirce pada abad ke- 19 bagi pertama kalinya untuk merujuk doktrin formal tanda-tanda. Melihat lebih mendalam lagi mengenai teori ini, semiotik telah mendapat tapak yang kukuh dan menjadi disiplin pada abad ke- 19 oleh De Saussure dan Peirce. Teori Semiotik yang dibawa oleh Peirce dapat dibahagikan kepada tiga jenis tanda iaitu:

### 3.7.1 Ikon

Dalam teori Semiotik Peirce, pandangan Peirce pula dibahagikan kepada tiga tanda atau lambang iaitu ikon, indeks dan simbol. Ikon dimaksudkan disini adalah tanda yang merujuk terus kepada objek yang digambarkan atau yang dibawa oleh objek dengan subjek. Tamsilannya, melihat foto di bahagian awal menjadi sebagai tanda suatu yang penting.

### 3.7.2 Indeks

Selain itu, indeks merupakan tanda yang merujuk kepada sesuatu tanda yang mengumpulkan satu atau beberapa fenomena, sebab-musabab, simptom, isyarat, ikatan dan sebagainya. Sebagai contoh, wajah yang nampak muram bermaksud hati yang sedih.


### 3.7.3 Simbol

Akhir sekali, simbol yang menunjukkan hubungan mengenai penjenisan lambang yang merujuk kepada objek asal dengan satu kawalan undang-undang yang khusus. Di antara tanda dengan objek tidak memiliki hubungan persamaan atau kedekatan, melainkan ia membentuk kerana kesepakatan. Contohnya, pelbagai gerakan anggota badan menandakan maksud-maksud tertentu. Selain itu, jika melihat tanda lelaki dan perempuan di pasaraya atau di tempat awam kita mengetahui makna tanda tersebut menunjukkan tandas lelaki dan perempuan.

Teori Semiotik dapat membantu menyelesaikan makna-makna tanda dalam penulisan dan retorik. Teori ini juga sesuai untuk menganalisis semua bidang kajian yang melibatkan bahasa dan sastera. Oleh itu, pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk mengenalpasti mengenai pendekatan semiotik dalam novel fiksyen sains yang juga menitikberatkan penggunaan bahasa yang tersirat dalam teks oleh penulis atau pengarang. Tambahan pula, pengkaji mahu mengali makna yang terdapat daripada novel yang dikaji dengan menggunakan tanda ikon, indeks dan simbol.



### 3.8 Kerangka Teori



Rajah 3.2: Kerangka Teori

Berdasarkan gambar rajah di atas, menunjukkan kerangka teori yang merangkumi bahan kajian mengenai isu yang terdapat dalam novel terpilih. Pengkaji telah memilih tajuk kajian iaitu kajian semiotik dalam novel *Leksikon Ledang* (2015) satu penelitian teori Semiotik yang digagaskan oleh Charles Sanders Peirce berkaitan dengan perbezaan kefahaman dalam mentafsir sesebuah makna teks dengan menerapkan prinsip ikon, prinsip indeks dan prinsip simbol. Kerangka teori dapat membantu memantapkan lagi kajian pengkaji bagi menjalankan dua objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji sendiri iaitu yang pertama adalah mengkategorikan prinsip semiotik yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang* dan menganalisis tanda ikon, indeks dan simbol untuk menggali makna yang terdapat di dalam novel kajian. Oleh itu, dengan adanya kerangka teori dapat mengukuhkan hasil kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.9 Kesimpulan

Tamsilannya, dengan menggunakan kaedah kajian adalah perkara penting dalam menyelesaikan dan memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian yang lebih sempurna dengan adanya sumber-sumber maklumat atau data yang mampu diperoleh melalui kaedah kajian yang digunakan. Selain itu, kualiti penyelidikan akan lebih sistematik dengan pemilihan kaedah kajian.

Penggunaan metodologi kajian ini akan lebih memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian yang lebih sempurna dengan sumber-sumber maklumat atau data yang mampu didapati melalui kaedah kajian yang digunakan ini. Melalui maklumat tersebut membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian dengan lebih mudah. Metodologi kajian merupakan satu kerangka yang penting bagi menjalankan sesautu penyelidikan dengan betul bersama dengan kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Justeru ini, metodologi kajian ini menerangkan mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji melibatkan beberapa faktor utama. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah mengenai tatacara atau reka bentuk yang melibatkan kajian.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab empat ini akan menjelaskan dan menjawab objektif yang pertama dan objektif kedua dengan terperinci. Objektif pertama yang akan dibincang ialah mengkategorikan prinsip semiotik yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang* berdasarkan tanda ikon, indeks dan simbol. Selain itu, objektif kedua adalah menganalisis tanda ikon, indeks dan simbol untuk menggali makna yang terdapat di dalam novel kajian. Di dalam bab ini, akan menghuraikan makna dan pemaknaan dengan mengikut pandangan Charles Sanders Peirce. Pengkaji menganalisis prinsip pertama dalam Semiotik Charles Sanders Peirce iaitu ikon, indeks dan simbol.

[O1] Prinsip Semiotik pendekatan Charles Sanders Peirce



Ikon	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanda yang menyerupai objek yang diwakilinya.</li> <li>Contoh - kata 'pahit lidah' yang bermaksud orang yang suka mengatakan perkara yang tidak menyenangkan.</li> </ul>	Pahit lidah = bercakap kotor Mulut manis = memuji
Indeks	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanda yang merujuk kepada sesuatu tanda yang memiliki sifat-sifat nyata, berurutan, sebab-akibat dan mengisyaratkan sesuatu.</li> <li>Contoh - tanda lubang peluru di dinding (indeks) adalah petanda diinterpretasikan berlakunya tembakan.</li> </ul>	Lubang dinding = tembakan Asap = kebakaran
Simbol	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanda yang mempunyai hubungan sewenang-wenangnya dengan rujukannya dan bergantung pada konvensyen dan perjanjian budaya.</li> <li>Contoh - simbol traktor yang menunjukkan simbol kemodenan bagi pesawahan.</li> </ul>	Traktor = kemajuan petani Duit = kekayaan

Rajah 4.1: Menunjukkan Prinsip Semiotik Pendekatan Charles Sanders Peirce

Berdasarkan gambar rajah 4.1 di atas, menunjukkan pengklasifikasian prinsip semiotik yang digunakan bagi kajian ini dan pengkaji mengaplikasikan prinsip ikon, indeks dan simbol berdasarkan teks pilihan. Pengkaji akan mengkategorikan prinsip tersebut dengan menggunakan kata atau dialog yang berkaitan di dalam novel *Leksikon Ledang*. Seterusnya, menggali makna dengan menggunakan ketiga-tiga prinsip yang telah dipilih.

## 4.2 Ikon

Dalam konteks novel atau kesusasteraan ikon semiotik biasanya merujuk kepada unsur sastera atau naratif yang berfungsi sebagai simbol atau tanda dalam cerita, menyampaikan makna di luar tafsiran literal. Ini boleh termasuk aksara, objek, tetapan dan juga tindakan atau peristiwa tertentu yang mempunyai kepentingan simbolik dalam naratif. Ikon semiotik ini digunakan oleh penulis untuk menambah kedalaman dan lapisan makna kepada kerja mereka. Ikon semiotik ini digunakan untuk menyampaikan tema, emosi, atau mesej yang lebih mendalam dalam novel. Mereka menambah lapisan makna dan membolehkan pembaca terlibat dengan teks pada tahap simbolik atau metafora meningkatkan kekayaan keseluruhan naratif. Menganalisis ikon semiotik dalam kesusasteraan adalah amalan biasa dalam kritikan sastera dan boleh membantu pembaca mendedahkan lapisan tersembunyi makna dalam novel.

Teori Semiotik berdasarkan pendekatan Charles Sanders Peirce menekankan bahawa ikon adalah tanda yang mempunyai kesamaan atau serupa dengan objek yang diwakilinya. Dengan itu, tanda memiliki ciri-ciri yang sama dengan objek yang diwakilinya. Selain itu, ikon membawa fungsi-fungsi yang berkaitan tafsiran makna dengan struktur permukaan (Intan Marlina, 2007). Berdasarkan teori tersebut pengkaji

menganalisis data sesuai dengan unsur sastera. Oleh itu, data yang pengkaji dapati semiotik ikon paling banyak ditemukan dalam novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti tertumpu kepada tempat, perasaan, waktu dan alam.

#### **4.2.1 Ikon yang Menggambarkan Tempat**

Bersangkutan dengan kajian ini pengkaji mengaitkan ikon yang menggambarkan tempat seperti hutan, makmal dan pelabuhan yang menjadi latar tempat utama dalam novel *Leksikon Ledang*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) tempat bermaksud kediaman atau tempat tinggal yang di diam oleh seseorang.

**Jadual 4.2.1:** Hasil Analisis Ikon Tempat dalam Semiotik Menggunakan Teori Charles

Sanders Peirce pada Novel *Leksikon Ledang*

No.	[O2] Kutipan dalam novel	Analisis	Muka Surat
IT1	Dia merenung tunggul pokok <b>balau</b> sengkawang air yang berbatang lurus dan licin dengan banir-banir kecil sebagai sokongan, serta tunggul kayu cengal yang berkayu keras dan boleh menghasilkan damar.	Tanda dalam teks ini menggambarkan Hassan seorang diri di dalam hutan.	11
IT2	“Sebab tu pak cik takut nak ke sana. Mula-mula kena serang gatal, lepas tu hilang sampai tak tahu pergi mana. <b>Ini mesti angka makhluk halus atau orang bunian.</b> ”	Tanda dalam teks ini menggambarkan penguni yang berada dalam hutan menyebabkan orang kampung tidak berani memasuki kawasan tersebut.	119
IT3	Huru-haralah seisi istana Melaka. Nun di perbatasan, <b>kapal dan jong yang berlabuh di hamparan laut dalam senja</b> , diujung Selat Melaka mengalu-alukan kedatangan marga taulan.	Tanda dalam teks menggambarkan bahawa sekelompok pengikut tiba di pelabuhan.	1
IT4	Rasa ingin tahu mencuit-cuit hatinya. Zack memberanikan diri untuk meneroka lebih jauh ke dalam <b>program superkomputer</b> itu. Sebenarnya, dia masih tidak dapat melupai kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Isman semasa kali pertama mereka bertemu. Mengapa	Tanda dalam teks menggambarkan Zack berada di sebuah makmal.	149

	hartawan itu beria-ia hendak mengkaji beribu-ribu spesies nyamuk di seluruh dunia? apa istimewanya spesies nyamuk itu kepada Datuk Isman?		
--	---	--	--

Berdasarkan rujukan jadual tersebut ikon tempat yang didapati dalam novel *Leksikon Ledang* yang menggambarkan tempat banyak dalam novel ini. Hal ini dapat dibuktikan daripada jadual di atas, penanda bagi IT1 dan IT2 menandakan kawasan hutan dengan kata ‘dia merenung tunggul pokok balau’ dan ‘sebab tu pakeik takut nak ke sana. Ini mesti angkara makhluk halus atau orang bunian’. Dalam novel ini, hubungan penanda dan tanda mempunyai kesamaan atau kemiripan antara merenung tunggul pokok balau dan takut hendak ke sana mungkin ada makhluk halus atau orang bunian dengan kawasan hutan. Sebagaimana berdasarkan data IT1 menceritakan Hasan yang merupakan seorang pembalak di sebuah kawasan hutan rizab yang berdekatan dengan kaki Gunung Ledang sedang berehat. Selain itu, berdasarkan data IT2 menceritakan kejadian kematian yang berlaku keatas orang kampung yang duduk berhampiran dikawasan hutan yang dipercayai ada mahkluk halus atau orang bunian yang mengganggu penduduk kampung disitu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) hutan adalah kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar atau terbiar.

Di samping itu, berdasarkan rujukan jadual tersebut ikon tempat menunjukkan berada di sebuah pelabuhan. Hal ini dapat dibuktikan daripada jadual di atas, penanda bagi data IT3 menandakan bahawa di sebuah pelabuhan dengan kata ‘kapal dan jong berlabuh dihamparan laut dalam senja, dihujung Selat Melaka mengalu-alukan kedatangan marga taulan’. Menurus novel *Leksikon Ledang*, kapal dan jong berlabuh dihamparan laut mempunyai kemiripan dengan kawasan pelabuhan. Sepertimana dalam

kutipan data IT3 yang menceritakan kedatangan kelompok sahabat atau pengikut ke istana Melaka dengan hura-hara. Tambahan pula, pada zaman kesultanan Melayu Melaka dahulu Melaka menjadi pusat antarabangsa yang berfungsi sebagai pusat perdagangan dunia. Lagi pula, menurut Nordin Hussin (2005) mengatakan sebelum kedatangan Protugis dan Belanda ke Melaka. Pada masa itu Melaka telah pun telah berkembang dan ramai pedagang daripada pelosok dunia seperti dari Eropah, Asia Barat, Benua Keling, Dunia Melayu, Indochina dan Tanah Besar China menjadikan Selat Melaka sebagai tempat persinggahan serta perkampungan kecil. Dengan demikian, pelabuhan di Selat Melaka menjadi tumpuan sejak abad ke-16 lagi. Jadi pengarang menunjukkan kemiripan dengan pelabuhan di Selat Melaka kerana pengarang mahu menceritakan tentang sejarah yang lalu dan membawa pembaca mengenal keadaan tempat bersejarah dalam penceritaanya.

Selanjutnya, hubungan penanda dengan petanda di atas bagi IT4 yang memiliki keserupaan antara *program superkomputer* dengan sebuah makmal. Sebagaimana pengarang mahu menceritakan di dalam novel, Zack memberanikan diri untuk meneroka program superkomputer itu untuk menyelesaikan penyelidikannya yang berkaitan dengan spesies nyamuk yang dikisahkan nyamuk tersebut mempunyai keistimewaan dan uji kaji itu dilakukan didalam sebuah makmal rahsia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) makmal adalah tempat percubaan atau menjalankan penyelidikan yang terutamanya berkaitan dalam bidang sains. Tambahan pula, superkomputer merupakan komputer jenis besar yang boleh memproses data dengan laju dan cepat. Kebanyakkan penggunaan superkomputer ini digunakan oleh pihak tentera dan agensi-agensi sains untuk keperluan diri masing-masing. Oleh itu, keberadaan program superkomputer dalam novel ini pengarang meletakkan didalam

sebuah makmal yang dikawal ketat dan dirahsiakan kewujudan makmal penyelidikkan itu.

#### **4.2.2 Ikon yang Menggambarkan Perasaan**

Ikon yang menggambarkan perasaan yang ditandai dengan rasa takut, kecewa, cinta, sedih dan gembira yang dialami oleh watak-watak dalam novel *Leksikon Ledang*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) perasaan didefinisikan perihal merasa dengan perbuatan secara bersentuhan atau perihal merasa dari dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan yang mendatangkan sentimen.

**Jadual 4.2.2:** Menunjukkan Analisis Ikon yang Menggambarkan Perasaan

No.	Kutipan dalam novel	Analisis	Muka Surat
IP1	Sedari mula tiba lagi <b>hatinya sudah melonjak-lonjak</b> hendak meninggalkan kawasan hutan itu.	Tanda dalam teks menggambarkan perasaan Hasan yang dalam ketakutan.	10
IP2	Cerita tentang <b>penunggu hutan kembali terngiang-ningiang</b> dalam fikirannya.	Tanda dalam teks menggambarkan perasan Hasan yang gerun mendegar mengenai kisah seram yang didengarinya.	17
IP3	Dengan menarik nafas panjang, Zack mula melangkah masuk ke perkarangan hospital. <b>Jantung-nya berdegup kencang. Lonjakan adrenalina membuatkan perutnya berasa seperti sedang beraksi akrobatik.</b>	Dalam tanda tersebut menggambarkan Zack berasa gementar.	46
IP4	“ <b>Aduh, macam mana ni!</b> ” getus hati kecil Hasan	Dalam tanda tersebut menggambarkan Hasan yang ketakutan dan kerisauan atas apa yang berlaku terhadap rakannya Jumat.	18
IP5	“ <b>Negatif,</b> ” umum Dr. Ching Huat. “ <b>Gagal lagi,</b> ” bisiknya	Tanda dalam teks menggambarkan perasaan kecewa kerana kegagalan dalam uji kaji.	8
IP6	Eh, apa pula ni? Bentak Ainul dalam hati. Sampai sahaja dia di sana, dia ditekan <b>rasa kecewa bagai dihempap batu.</b>	Dalam tanda tersebut menggambarkan bahawa Ainul terasa amat kecewa dan geram yang menanggungnya.	121

IP7	Dia masuk ke dalam pejabatnya dengan <b>bintang dan bulan di matanya.</b>	Tanda dalam teks tersebut menggambarkan Ainul merasakan amat gembira.	284
IP8	Anak itulah yang disayangi Isman sepanjang masa, <b>seperti menatang minyak menggelegak yang penuh.</b>	Tanda dalam teks ini menggambarkan bahawa Datuk Isman sangat menyayangi anaknya sepenuh hati.	36

Emosi takut merupakan perasaan jiwa yang kuat akan kepada sesuatu yang megerunkan atau ngeri sehingga dianggap boleh membahayakan diri. Menurut Nordiana Hamzah et al. (2017) mengatakan emosi takut ini merupakan perasaan yang tidak rasional, melebih-lebih dan ketakutan yang berulang dalam satu-satu situasi. Tambahan pula, takut juga merupakan perasaan yang berasa bimbang atau ragu, khuatir dan gelisah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2021). Menerusi novel *Leksikon Ledang*, dapat diperhatikan hubungan penanda dan petanda bagi data IP1, IP2 dan IP4 mempunyai kemiripan antara kata ‘*hatinya sudah melonjak-lonjak*’, ‘penunggu hutan kembali terngiang-ngiang’ dan ‘aduh, macam mana ni!’ dengan memperlihatkan perasaan Hasan yang sedang ketakutan. Sebagaimana, pengarang mengemukakan emosi takut dalam diri Hassan setelah mengharungi pelbagai ujian di mana rakannya Jumat yang hilang di kawasan hutan dan ketua Hasan iaitu Tauke Tong yang meninggalkannya selama tiga hari di kawasan hutan rizab itu yang dikatakan mempunyai penunggu. Ketakutan itu telah melaksanakan fungsi kepada penandanya iaitu perasaan Hasan.

Selain itu, hubungan penanda dan tanda bagi data IP3 adanya kesamaan dengan emosi ketakutan dan bimbang. Dalam novel *Leksikon Ledang* ditemukan antara kata ‘jantungnya berdegup kencang. Lonjakan adrenalina membuatkan perutnya berasa

seperti sedang beraksi akrobatik' dengan menggambarkan Zack berasa gementar. Sepertimana penceritaan dalam novel, terselah rasa gementar Zack yang disuguh pengarang, iaitu detik permulaan Zack melangkah ke alam baharu iaitu dunia pekerjaan sebagai seorang ahli mikrobiologi di Jabatan Kajian Kuman dan Patologi, Hospital Besar Sultanah Aminah. Fenomena di dalam novel tersebut berkaitan dengan emosi yang dihadapi oleh seseorang iaitu emosi takut. Menurut Azhar Wahid et al. (2017) mengatakan simptom emosi takut mendorong anggota badan manusia seperti anak mata dibesarkan, gerakan jantung bertambah laju, warna kulit berubah pucat, penafasan yang lebih laju daripada yang normal dan bulu rompa menegak bahkan otot-otot rangka besar bersedia untuk bertindak balas. Dengan itu, emosi takut yang diwujudkan oleh Allah mempunyai hikmah dan emosi takut ini menjadi suatu kewajaran sekiranya menangani emosi takut dengan kekuatan iman seperti rasa bimbang bertukar kepada berani dan yakin.

Seterusnya, ikon perasaan yang menggambarkan emosi kecewa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) kecewa bermaksud berasa dukacita kerana tidak tercapai harapan atau kehendak atau gagal dalam mencapai sesuatu yang diingini. Menerusi novel *Leksikon Ledang* juga turut memperlihatkan perasaan Dr. Ching Huat yang menunjukkan reaksi kecewa. Hubungan penanda dan petanda bagi data IP5 mempunyai keserupaan dengan rasa kecewa dan duka. Misalnya, kata yang dapat ditemukan antara kata 'gagal lagi' dengan gambaran Dr. Ching Huat kecewa kerana gagal dalam uji kajinya. Sebagaimana dalam penceritaan oleh pengarang di mana Dr. Ching Huat yang merupakan ahli saintis yang membantu Datuk Isman dalam mengkaji DNA nyamuk purba atas kepentingan mereka sendiri. Semasa menjalankan uji kaji tersebut berlaku ketidak sepadan dalam campuran bahan-bahan yang digunakan sehingga Dr. Ching Huat gagal menguraikan analisis uji kaji yang dijalankan. Situasi

ini menyebabkan Dr. Ching Huat berasa kecewa dengan prestasi uji kaji yang sudah lama dia lakukan.

Dalam pada itu, hubungan penanda dan pentanda bagi data IP6 juga memperlihatkan kesamaan dengan rasa kekecewaan. Hal ini dapat dibuktikan dengan kata ‘rasa kecewa bagai dihempap batu’ dan tanda tersebut menggambarkan bahawa Ainul rasa kecewa dan geram. Menerusi cerita ini, Ainul tidak dibenarkan melalui kawasan hutan rizab tersebut kerana terdapat halangan oleh pihak berkuasa iaitu Polis yang menjaga disekitar kawasan tersebut. Kegagalan untuk memasuki kawasan larangan itu menyebabkan cita-cita Ainul untuk menyiasat hutan itu tidak tercapai. Oleh itu, Ainul berasa kecewa dan geram kerana tujuannya ke kampung itu tidak kesampaian atas halangan yang dialaminya.

Di samping itu, ikon perasaan yang menggambarkan rasa atau emosi gembira. Hubungan penanda dengan petanda di atas iaitu data IP7 yang menunjukkan keserupaan dengan emosi gembira. Hal ini dapat dibuktikan dengan data IP7 yang menandakan perasaan gembira dengan kata ‘bintang dan bulan di matanya’. Sepertimana dalam penceritaan novel ini, terselah Ainul berasa amat gembira setelah kejadian yang berlaku di Gunung Ledang tempoh hari selamat dirungkaikan dan Ainul teruja selepas diajak keluar makan malam bersama Ramdan yang membantu Ainul ketika menjalankan tugasannya sebagai seorang wartawan. Oleh itu, perasaan gembira dan teruja itu telah melaksanakan fungsi kepada emosi bagi watak Ainul dalam situasi tersebut.

Akhir sekali, ikon yang menggambarkan perasaan ditandai dengan kasih sayang. Hubungan penanda dengan petanda bagi data IP8 memiliki kesamaan dengan kasih sayang. Hal ini dapat dibuktikan dengan kata ‘seperti menatang minyak menggelegak yang penuh’ dengan kasih sayang yang sepenuh hati. Sebagaimana menerusi penceritaan pengarang terselah kasih sayang seorang bapa iaitu Datuk Isman kepada anak lelakinya iaitu Ilham yang masih hidup dan masih bertarung nyawa. Demi menjaga Ilham, Datuk Isman sanggup melalukan apa sahaja untuk membantu rawatan anaknya itu.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 4.2.3 Ikon yang Menggambarkan Waktu

Kajian ini mengaitkan ikon yang menggambarkan waktu dalam novel tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) waktu didefinisikan rangkaian atau rentetan saat yang telah berlalu dan yang akan datang.

**Jadual 4.2.3:** Menunjukkan Analisis Ikon yang Menggambarkan Waktu

Bil.	Kutipan dalam novel	Analisis	Muka Surat
IW1	Datuk Isman merenung ke luar tingkap pejabatnya di Iskandar Malaysia. <b>Pagi itu Johor terik dengan langit serba firus.</b>	Dalam tanda tersebut menggambarkan proses matahari terbit menjelang pagi.	32
IW2	<b>Langit firus terus memutih.</b> Matahari sedang meninggi, sama seperti harapan Datuk Isman dengan pembiayaan kajiannya.	Dalam tanda tersebut menggambarkan proses waktu tengahari.	37

Berdasarkan rujukan jadual di atas, prinsip ikon yang didapati menerusi novel *Leksikon Ledang* yang menggambarkan waktu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) lambang dimaksudkan dengan tanda yang menyatakan atau mengenalkan sesuatuseperti simbol, isyarat, perlambangan dan lain-lain. Hal ini dapat dibuktikan daripada kutipan jadual tersebut, penanda bagi data IW1 menandakan proses terbitnya matahari menjelang waktu pagi dengan kata ‘pagi itu Johor terik dengan langit serba firus’. Dalam novel ini, hubungan penanda dan tanda mempunyai kesamaan antara pagi itu Johor terik dengan langit serba firus. Sebagaimana berdasarkan data IW1 menceritakan waktu bekerja Datuk Isman pada awal pagi dan pejabatnya terletak di Iskandar Malaysia.

Selain itu, ikon yang menggambarkan waktu dapat dilihat pada data IW2 menunjukkan penanda ‘langit firus terus memutih’ dan bagi petanda pula adalah ungkapan pengarang perubahan waktu dari pagi ke tengahari yang berlaku dalam novel kajian. Hubungan antara penanda dan petanda menggambarkan berlaku proses waktu tengahari dan waktu tersebut menjadi lambang kepada perasaan Datuk Isman yang meletakkan harapan tinggi dalam perusahaannya terhadap penyelidikannya. Analisis ini jelas menunjukkan bahawa ikon waktu bagi data IW1 dan data IW2 menunjukkan dua perubahan waktu iaitu pagi dan tengahari, Oleh itu, novel ini terdapat ungkapan yang bertepatan dengan ikon waktu iaitu ‘langit firus’ yang digambarkan adalah langit yang berwarna kebiru-biruan yang membawa kepada berlakunya pertukaran waktu pagi dan petang.

#### **4.2.4 Ikon yang Menggambarkan Alam**

Alam sering merujuk kepada dunia semula jadi, fizikal dan segala sesuatu yang wujud tanpa campur tangan manusia. Ini termasuk landskap, ekosistem, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan unsur-unsur seperti udara, air dan tanah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) alam didefinisikan segala yang ada di langit dan di bumi seperti bintang-bintang, tenaga-tenaga yang ada dan sebagainya. Alam adalah pengetahuan mengenai keadaan alam dan benda-benda hidup.

**Jadual 4.2.4:** Menunjukkan Analisis Ikon yang Menggambarkan Alam

Bil	Kutipan dalam novel	Analisis	Muka Surat
IA1	Tadi hanya Mamanda Temenggung sahaja yang berbisik-bisik apabila perempuan yang genit berkulit putih mulus itu hadir bagai angin.	Dalam tanda tersebut menggambarkan seorang perempuan yang datang tanpa disedari.	2
IA2	Derap tapak kaki Hasan kedengaran perlahan kerana lantai bumi Ledang yang masih lembap ditimpa hujan petang tadi.	Tanda dalam teks tersebut menggambarkan bahawa Hassan berjalan perlahan di dalam hutan gunung Ledang yang masih kebasahan.	15
IA3	Pagi hari itu, wajah ibunya seakan-akan wajah padi menghijau yang tumbuh subur dan langit lazuardi yang baru disapa matahari.	Wajah ibu Zack menggambarkan langit biru yang cerah atau bersinar gembira.	48
IA4	Nada melodi “Prelude No. 15” terus bergetar, seperti ombak yang menyapa halus.	Tanda dalam teks tersebut menggambarkan irama lagu yang dimainkan kedengaran damai.	145
IA5	“Tuanku tidak usah khuatir tentang rahsia kita. Rahsianya tetap akan tersimpan dengan tekat sulaman angin dan batu sepi. Rahsia yang hanya si bestari yang dapat mengenal duduk letaknya.”	Dalam tanda tersebut menggambarkan bahawa rahsia antara Sultan Mahmud dan Puteri Gunung Ledang tersimpan rapi dan terus menyepi.	254
IA6	Puteri Gunung Ledang merafak sembah dan sekali lagi	Dalam tanda tersebut menggambarkan bahawa Puteri	255

	rambutnya seperti disapa angin, beralun-alun. <b>Seperti angin</b> , wajah dan tubuhnya menghilang di sebalik terang bulan penuh dan pekat malam hitam.	Gunung Ledang hilang dengan pantas.	
--	---	-------------------------------------	--

Ikon alam merupakan ikon yang memiliki kesamaan dengan kejadian alam atau hal-hal yang berkaitan dengan pancaindera manusia dan dapat dijelaskan secara ilmiah. Dalam novel *Leksikon Ledang* ditemukan enam ikon alam yang berupa angin, bumi, batu sepi, ombak, padi menghijau dan langit lazuardi yang akan dipaparkan melalui beberapa kutipan berikut. Penanda bagi data IA1 yang menandakan seorang perempuan yang datang tanpa disedari dengan kata ‘perempuan yang genit berkulit putih mulus itu hadir bagai angin’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) angin bermaksud udara yang bergerak sehingga terasa gerakan atau alirannya laju sekali. Sebagaimana berdasarkan data IA1 yang menceritakan kedatangan Puteri Gunung Ledang secara tiba-tiba ke istana berjumpa dengan Sultan Mahmud. Penanda ikon ‘angin’ pada kutipan data IA1 dimaknai sebagai kelajuan gerakkan Puteri Gunung Ledang. Angin menggambarkan kehadiran angin dirasai dengan udara yang bergerak secara pantas dan tidak tentu arahnya. Tambahan pula, kutipan data IA6 juga menunjukkan penanda ikon ‘angin’ dimaknai sebagai gerakan Puteri Gunung Ledang yang pantas menghilang tanpa meninggal kesan pada waktu malam.

Selain itu, ikon alam yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledan* adalah penanda bagi kutipan data IA2 menandakan tanah gunung Ledang yang masih lembap dan basah dengan kata ‘lantai bumi Ledang’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) bumi yang bermaksud permukaan bumi atau tanah. Dalam novel ini, hubungan penanda dan tanda mempunyai kesamaan antara lantai bumi ledang dengan tanah hutan rizab. Sepertimana yang disampaikan oleh pengarang, Hasan berjalan dengan perlahan di dalam hutan tersebut kerana keadaan tanah disitu yang masih basah dan lembap kerana hujan yang turun di kawasan gunung tersebut.

Hubungan penanda dengan petanda yang seterusnya adalah petanda ikon ‘padi menghijau’ dan ‘langit lazuardi’ pada kutipan data IA3 dimaknai sebagai air muka pada wajah. Kutipan kata itu menggambarkan air muka atau wajah yang seperti warna padi hijau pada waktu pagi dan raut wajah seperti warna biru tua. Penggambaran tersebut sama seperti tokoh ‘ibu’ yang memiliki wajah yang tenang seperti warna padi yang hijau dan langit biru apabila dilihat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) lazuardi dimaksudkan dengan warna biru tua yang terdiri daripada lazurit dan digunakan sebagai batu permata dan bahan cat. Sebagaimana pengarang cuba menginterpretasikan penggunaan alam dengan warna untuk menggambarkan perasaan watak. Hal ini kerana penggunaan warna adalah penting dengan perhubungan perasaan manusia kerana otak manusia akan cepat teransang dan mengetahui maksud yang ingin disampaikan berbanding menulis dan membaca (Nor Shaida, 2009). Kesannya, perasaan watak ibu Zack itu telah melaksanakan fungsi kepada penandanya iaitu terhadap ikon padi menghijau dan langit lazuardi.

Di samping itu, menerusi novel *Leksikon Ledang* berdasarkan jadual di atas penanda bagi data IA4 menandakan irama lagu yang dimainkan kedengaran damai. Hubungan penanda dan tanda mempunyai keserupaan antara *ombak yang menyapa halus* dengan alunan muzik yang tenang dan damai. Sepertimana yang diketahui ombak itu adalah gerakan air yang bergulung-gulung kecil dan halus dimaksudkan dengan lembut. Sebagaimana berdasarkan data IA4 menceritakan keadaan di makmal dengan alunan muzik yang dimainkan oleh Datuk Isman yang kedengaran tenang dan damai.

Akhir sekali, hubungan penanda dan tanda yang memiliki kesamaan antara kata ‘tekat sulaman angin dan batu sepi’ dengan tersimpan rapi dan terus menyepi. Tekat sulaman angin menggambarkan rahsia yang perlu disimpan dengan rapi dan tidak terbuka apabila ditanya oleh mana-mana pihak. Selain itu, batu sepi menggambarkan sifat batu sekiranya diletakkan di dalam air akan tenggelam dan tidak bergerak.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.3 Indeks dalam Novel *Leksikon Ledang*

Indeks adalah penting dalam semiotik kerana ia sering digunakan untuk menunjukkan atau memberikan bukti sesuatu yang nyata atau ketara. Mereka amat penting dalam konteks di mana hubungan langsung antara tanda dan objeknya adalah penting untuk tafsiran. Konsep indeks adalah relevan dalam pelbagai bidang, termasuk linguistik, kajian komunikasi dan analisis tanda-tanda dan makna dalam kehidupan seharian. Selain itu, indeks adalah tanda yang mempunyai sambungan langsung dan sebab musabab kepada objek mereka. Tanda indeks tidak bergantung pada persamaan atau konvensyen tetapi menunjukkan objek mereka melalui hubungan sebab dan akibat. Indeks adalah penting dalam semiotik, hal ini demikian kerana ia sering digunakan untuk menunjukkan atau memberikan bukti sesuatu yang nyata atau ketara. Indeks amat penting dalam konteks di mana hubungan langsung antara tanda dan objeknya adalah penting untuk tafsiran.

Indeks semiotik dalam novel membantu pembaca mentafsir dan terlibat dengan teks dengan lebih mendalam. Mereka sering memerlukan pembaca menganalisis dan membuat sambungan untuk memahami sepenuhnya lapisan dan kehalusan cerita. Menyedari dan mentafsir indeks ini adalah amalan biasa dalam analisis sastera dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih kaya tentang naratif. Menerusi indeks dalam konteks novel boleh merujuk kepada unsur atau butiran dalam naratif yang berfungsi sebagai tanda atau petunjuk, sama seperti indeks dalam bidang semiotik. Perihal ini bertindak sebagai bukti atau isyarat yang memberi pembaca maklumat atau pandangan mengenai cerita tersebut.

**Jadual 4.3.1:** Menunjukkan Analisis Indeks dalam Novel Leksikon Ledang

No	Kutipan dalam novel	Analisis	Muka Surat
IK1	Namun, setiap kali lagu itu dimainkan, Dr Ching Huat berasa <b>rambutnya yang tinggal beberapa helai</b> itu sahaja akan tanggal.	Dalam tanda tersebut menggambarkan bahawa Dr Ching Huat memiliki kepala yang hampir botak.	6
IK2	<b>Bunyi alatan bertali</b> daripada “The Rite of Spring” terus menggangunya.	Dalam tanda tersebut menggambarkan lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik seperti gitar.	6
IK3	Belum sempat Tauke Tong bergerak, kepalanya diketuk oleh suatu <b>benda keras</b> dan dia rebah serta-merta.	Tanda tersebut diinterpretasikan berlakunya pergaduhan sehingga diketuk benda keras seperti kayu.	42
IK4	“Anak pun jangan berani sangat. Pak cik nasihatkan tak payahlah ke sana. Lagipun <b>kawasan hutan kat sini keras.</b> ”	Tanda keras yang dapat diinterpretasikan adalah kawasan hutan tersebut berkaitan dengan makhluk ghaib.	119
IK5	Kumpulan mereka bergerak ke sebuah khemah besar bertanda <b>“AMARAN BAHAYA”.</b>	Tanda ‘AMARAN BAHAYA’ dapat diinterpretasikan adalah tempat atau lokasi yang berbahaya.	63
IK6	“Cik Ainul sedang bercadang-cadang atau mungkin sudah menemui maklumat tentang orang yang mengupah lelaki ini, bukan? <b>Cik Ainul tidak tahu bahawa perbuatan itu seakan</b>	Tanda api menggambarkan orang ternama seperti Datuk Isman Hijjaz seorang yang berbahaya.	216

	<b>sedang bermain dengan api yang boleh merebak ganas.</b>		
IK7	Ramdan mengeluh. Cerita Datuk Isman Hijjaz ialah cerita tragedi <b>tupai di atas pohon yang sudah berkali-kali tercelepuk ke lumpur</b> .	Tanda tupai di atas pohon yang sudah berkali-kali tercelepuk ke lumpur menggambarkan Datuk Isman yang melakukan jenayah yang hampir tertangkap.	283

Berdasarkan jadual di atas, merupakan analisis indeks yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang*. Penanda bagi data IK1 menandakan Dr Ching Huat memiliki kepala yang hampir botak dengan kata ‘setiap kali lagu itu dimainkan, Dr. Ching Huat berasa rambutnya yang tinggal beberapa helai itu sahaja akan tanggal’. Menerusi novel ini, hubungan penanda dan tanda di atas menunjukkan adanya hubungan sebab akibat antara penanda dan petandanya yang merujuk pada sifat-sifat dan tindak yang dilakukan manusia. Dengan itu, Dr Ching Huat merasakan lagu yang dimainkan oleh Datuk Isman semasa di makmal menunjukkan Dr. Ching Huat memiliki kepala yang hampir botak akibat daripada sering mendengar lagu yang sama dimainkan oleh Datuk Isman. Namun, akibat tersebut bukanlah penyebab utama Dr. Ching Huat kehilangan rambutnya tetapi masih ada sebab lain yang menjadikan kepalanya hampir botak.

Seterusnya, indeks yang memaparkan hubungan penanda dan tanda berdasarkan data IK2 mempunyai hubungan sebab akibat yang menghasilkan bunyi atau suara. Indeks suara pada data IK2 terdapat kata ‘bunyi alatan bertali’. Pada kata tersebut menunjukkan lagu *The Rite of Spring* dimainkan dengan menggunakan alat muzik seperti gitar. Dr. Ching Huat berasa terganggu dengan bunyi gitar itu semasa ia sedang bekerja.

Di samping itu, hubungan penanda dengan petanda yang menunjukkan pada sifat-sifat dan tindakan manusia, misalnya pada data IK3 dan IK4 tanda ‘benda keras’ diinterpretasikan dengan cara yang berbeza. Berdasarkan data IK3 ditandai pada peristiwa berlakunya percaduhan oleh orang kanan Datuk Isman dengan Tauke Tong, belum sempat Tauke Tong bergerak lalu kepalanya diketuk oleh benda kerasa seperti kayu sehingga Tauke Tong rebah serta merta ataupun Tauke Tong pengsan. Tambahan pula, bagi data IK4 pula ‘benda keras’ ditandai sebagai makhluk ghaib yang berada di dalam hutan akibatnya orang luar dan sesiapa pun tidak dibenarkan melalui atau memasuki kawasan hutan tersebut. Peristiwa berlaku apabila Ainul yang sedang menjalankan kerjanya bagi menyiasat perkara yang berlaku di sekitar Gunung Ledang, dinasihatkan agar tidak pergi ke kawasan itu.

Hubungan penanda dengan petanda berdasarkan jadual di atas bagi data IK5 adalah mempunyai hubungan sebab ‘Amaran Bahaya’ akibatnya tempat atau lokasi tersebut tidak selamat untuk dikunjungi dan berbahaya bagi keselamatan orang awam. Hal ini demikian kerana berlaku pada peristiwa di mana hutan rizab gunung Ledang diserang nyamuk purba yang dikatakan boleh membunuh manusia dan telah berlaku kematian di sekitar hutan rizab itu. Oleh itu, hanya sekelompok yang terlibat sahaja dibenarkan untuk memasuki kawasan yang ditandai ‘Amaran Bahaya’.

Seterusnya, penanda ‘api’ dalam data IK6 menggambarkan Datuk Isman Hijjaz seorang lelaki yang berbahaya. Petanda Ainul yang sedang bercadang dan mungkin telah menemukan maklumat tentang orang yang mengupah lelaki oleh Datuk Isman Hijjaz. Oleh itu, sebab dan akibat yang berlaku ada kemungkinan api itu merujuk kepada kemarahan Datuk Isman Hijjaz sekiranya melakukan kesalahan.

Akhir sekali, penanda bagi ungkapan ‘tupai di atas pohon yang sudah berkali-kali tercelepuk ke lumpur’ yang terdapat dalam data IK7 yang menggambarkan Datuk Isman yang melakukan jenayah terhadap penyelidikan haram yang hampir tertangkap tetapi terlepas sahaja. Petanda bagi data IK7 adalah Datuk Isman kali ini perlu ditangkap oleh pihak polis agar dia dapat di adili dengan setimpal atas kesalahan yang Datuk Isman lakukan dalam dunia penyelidikan haram dalam sains. Oleh demikian, penulis menyatakan hal yang berkaitan dengan kesalahan undang-undang pastikan akan dijatuhkan hukuman dan tidak menyerah dalam apa juar pekerjaan yang dilakukan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Simbol dalam Novel *Leksikon Ledang*

Simbol merupakan antara tiga kategori tanda utama yang dikelaskan oleh Charles Sanders Peirce. Dengan adanya simbol berupaya menggambarkan sesuatu pemikiran masyarakat melalui bahasanya ataupun melalui peristiwa tertentu dalam masyarakat. Selain itu, simbol adalah komponen penting dalam komunikasi dan pembuatan makna. Hal ini kerana, simbol merupakan sejenis tanda yang bergantung pada persatuan konvensional yang di mana ia dipersetujui secara budaya antara penandatangan (bentuk tanda) dan yang ditandakan (konsep atau makna yang diwakilinya). Menurut Kamariah, Intan Marlina dan Mawar Safei (2016) mengatakan simbol dapat dilihat dalam kehidupan seharian masyarakat dan ia bersifat setempat dan universal. Dimaksudkan dengan bersifat setempat adalah fahaman masyarakat yang berada dalam lingkungan budaya yang sama, sementara universal pula lebih bersifat luas. Sebagai contohnya simbol yang menggambarkan kehidupan seharian dan bahasa termasuk huruf atau abjad, nombor, perkataan, tanda lalu lintas, bendera kebangsaan, simbol agama dan sebagainya. Oleh itu, makna simbol ditentukan oleh norma budaya dan konvensyen bersama.

Jika dapat diteliti lebih mendalam makna simbol secara etimologi merupakan perkataan Yunani iaitu ‘symbolo’ (Alex Preminger, 1974) dalam kajian Kamariah, Intan Marlina dan Mawar Safie (2016). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) perkataan simbol membawa maksud sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain, lambang atau tanda. Dengan itu, tafsiran simbol sering melibatkan pemahaman mengenai faktor budaya dan kontekstual yang membentuk maknanya. Menurut Kris Budiman (1999) dalam kajian Kamariah, Intan Marlina, Mawar Safie (2016) mengatakan simbol seperti ekuivalen yang membawa pengertian Saussure tentang tanda. Maksud atau istilah

simbol kebiasaanya dipergunakan secara meluas dengan memberi makna yang beraneka ragam akan tetapi harus di fahami secara berhati-hati.

Semiotik melibatkan kajian bagaimana simbol berfungsi dalam komunikasi dan bagaimana makna dibina melalui penggunaan simbol-simbol ini. Simbol adalah asas kepada bahasa, kesusasteraan, seni dan pelbagai bentuk ungkapan manusia kerana ia membolehkan penyampaian idea, konsep dan emosi abstrak atau kompleks. Simbol yang sama mungkin mempunyai konotasi yang berbeza dalam pelbagai konteks budaya, menjadikan semiotik alat yang berharga untuk menganalisis dan memahami dunia kompleks tanda dan simbol dalam komunikasi.

Dalam novel, simbol semiotik adalah unsur-unsur yang membawa makna yang lebih mendalam atau simbolik, menyumbang kepada tema naratif, perkembangan watak dan kualiti sastera keseluruhan. Penulis menggunakan simbol ini untuk menambah lapisan tafsiran dan melibatkan pembaca pada tahap simbolik atau metafora. Penggunaan simbol semiotik dalam novel membolehkan penerokaan tema dan perkembangan watak yang lebih mendalam, serta mengajak pembaca untuk berfikir secara kritis dan analitikal mengenai teks tersebut. Menganalisis simbol-simbol ini adalah amalan biasa dalam kritikan sastera kerana ia membantu pembaca mendedahkan lapisan makna yang tersembunyi dan meningkatkan pemahaman mereka tentang cerita.

Dalam novel kajian ini simbol memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna, tema dan emosi yang lebih mendalam. Penulis menggunakan simbol untuk menambah lapisan kesusahan dan untuk membolehkan pembaca terlibat dengan naratif pada tahap simbolik atau metafora. Simbol dalam novel sentiasa terbuka kepada tafsiran dan boleh membawa makna yang berbeza bergantung pada konteksnya.

Simbol dalam novel memperkayakan pengalaman membaca dan menjemput pembaca untuk meneroka lapisan makna yang lebih mendalam. Mereka sentiasa memerlukan pembaca menganalisis teks dan mempertimbangkan implikasi simbolik watak, objek dan peristiwa. Analisis sastera sering memberi tumpuan kepada tafsiran simbol-simbol ini untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai tema dan mesej novel.

**Jadual 4.4.1:** Menunjukkan Hasil Analisis Simbol dalam Novel Leksikon Ledang

Bil.	Kutipan dalam novel	Objek	Analisis	Muka Surat
SM1.	Dia selalu ingatkan pesan orang tua-tua, apa-apa sahaja <b>barang ganjil</b> yang ditemui di dalam hutan tidak patut diusik, takut “penunggunya” marah. Dan, jangan pula kita pergi menegur sesuatu yang pelik di dalam hutan. Itu nasihat orang-orang lama. Tetapi, mandurnya tentu tidak percaya akan cerita-cerita tahayul begini.	Simbol menunjukkan <b>Benda</b>	Simbol bagi barang ganjil menggambarkan benda atau sesuatu ajaib, aneh dan pelik yang dipercayai benda-benda ganjil mempunyai hikmat atau kuasa.	13
SM2.	Hassan pernah mendengar cerita tentang batu geliga yang bersifat sakti dan sering menjadi rebutan. Geliga seperti <b>geliga lipan dan geliga ular</b> dikatakan hebat kerana dapat menyerap sakit yang	Simbol menunjukkan <b>Alam</b>	Simbol batu geliga menggambarkan kepercayaan penduduk mempunyai kuasa pemulih penyakit.	14

	dialami akibat sengatan serangga mahupun bisul.			
SM3.	Ada juga yang menggatakan bahawa pemakaian geliga dapat membuat seseorang itu bertukar menjadi kebal dan halimunan.		Simbol batu geliga dipercayai oleh penduduk kampung dapat memberi kuasa menjadi kebal dan tidak dapat dibunuh orang.	14
SM4.	“Zaman dahulu, <b>binatang berbisa dan berbahaya</b> sering menjadi penjaga untuk tempat-tempat suci.	Simbol menunjukkan <b>Alam (Binatang)</b>	Simbol binatang berbisa dan berbahaya menunjukkan kepercayaan masyarakat tentang haiwan menjadi penjaga bagi tempat-tempat suci.	14
SM5.	Malah, ada juga yang sanggup memburu batu geliga untuk digunakan dalam <b>kegiatan syirik</b> , seperti memuja semangat untuk mendapatkan nombor ekor atau menarik duit.	Simbol menunjukkan <b>Makhluk Ghaib</b>	Simbol batu geliga menunjukkan berkait dengan makhluk halus seperti jin dan syaitan untuk mendapatkan rezeki.	163

Berdasarkan jadual di atas, analisis simbol literal dalam novel *Leksikon Ledang* bagi barang ganjil adalah benda atau sesuatu yang aneh, ajaib atau pelik (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2021). Merujuk kepada budaya masyarakat Melayu itu sendiri, masyarakat Melayu kaya dengan pelbagai simbol yang memberi makna tertentu. Misalnya simbol dalam novel *Leksikon Ledang*, berdasarkan data SM1 simbol yang

menunjukkan benda iaitu barang ganjil seperti batu geliga dipercayai mempunyai hikmat atau kuasa kerana mempunyai penunggu dan tidak boleh diambil sebarang sahaja.

Selain itu, hubungan penanda dan petanda pada ungkapan data SM2 dan SM3 menunjukkan simbolik alam pada geliga lipan dan geliga ular. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) menyatakan geliga ditakrifkan batu yang biasanya yang terdapat dalam tubuh binatang dan digunakan sebagai penawar bisa dan lain-lain. Oleh itu, batu geliga dipercayai oleh sesetengah penduduk mempunyai kuasa pemulih penyakit serta dipercayai oleh penduduk kampung dapat memberi kuasa menjadi kebal dan tidak dapat dibunuh orang.

Hubungan petanda dan penanda bagi data SM4 juga menunjukkan simbol alam iaitu binatang. Hal ini dapat dibuktikan dengan ‘binatang berbisa dan berbahaya’ yang menunjukkan haiwan seperti ular, lipan, kala jengking dan sebagainya. Menurut kepercayaan masyarakat dahulu tempat-tempat suci mempunyai penjaga iaitu haiwan-haiwan yang berbisa. Misalnya, di Pulau Besar negeri Melaka dipercayai masyarakat di sana segelintir mempercayai unsur-unsru mistik dan pemujaan. Syaimak Ismail dan Muhammad Saiful (2020) mengatakan masyarakat di situ memiliki beberapa tempat pemujaan seperti keramat ular, batu belah dan kawasan perkuburan menjadi lokasi pemujaan bagi meminta hajat, menyembah dewa dan sebagainya. Perkara ini terpesong dengan ajaran agama Islam. Batu geliga dan barang lama juga turut di jual bagi upacara khurafat itu. Di percayai juga tempat-tempat sebegini mempunyai penjaga sama ada manusia ataupun haiwan-haiwan yang berbisa.

Akhir sekali, analisis simbol literal yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang* ialah ‘kegiatan syirik’ dalam data SM5. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) syirik di maksudkan dengan percaya adanya kuasa ghaib selain Allah dan memuja berhala. Petanda bagi kegiatan syirik dengan menyekutukan Allah dengan makhluk ghaib seperti jin dan syaitan. Hubungan antara penanda dan petanda adanya kesepakatan sebagai pemujaan dan kepercayaan kepada makhluk ghaib dalam mendapatkan rezeki, tuah dan lain-lain. Masyarakat yang mempercayai perkara syirik ini sentiasa tidak berasa cukup atas nikmat yang tuhan berikan dan menggunakan perantara seperti jin, iblis dan syaitan untuk mendapatkan sesuatu yang tidak cukup dan puas dalam kehidupan mereka (Muhammad Mustaqim dan Nur Salsabila, 2022). Oleh itu, kegiatan syirik dan pemujaan terdapat dalam novel *Leksikon Ledang* yang memaparkan penduduk sekitar Gunung Ledang mempercayai kepada makhluk ghaib yang datang daripada batu geliga sehingga berlaku kematian di kampung mereka.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 Kesimpulan

Tuntasnya, berdasarkan analisis data penelitian ini, jelas teks *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti terdapat ikon yang ada tanda menunjukkan hubungan yang bersifat ilmiah antara penanda dan petandanya yang mempunyai gambaran langsung daripada petandanya. Ikon yang terdapat dalam hasil penelitian dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu tempat, perasaan, waktu dan berkaitan dengan alam. Selain itu, prinsipo indeks yang terdapat dalam teks *Leksikon Ledang* menunjukkan hubungan sebab akibat antara petanda dan penandanya. Data indeks yang yang terdapat dalam hasil penelitian dan pembahasan analisis semiotik. Prinsip ketiga iaitu simbol yang menunjukkan tiada hubungan alamiah antara penanda dan petandanya. Penelitian mengkaji novel *Leksikon Ledang* turut membantu memberi maklumat mengenai aspek semiotik dengan berfokuskan kepada tiga prinsip yang telah diperjelaskan. Oleh itu, prinsip-prinsip ini membantu pembaca memahami penyampaian yang dimaksudkan oleh pengarang mengikut interpretasi dan kefahaman pembaca terhadap penulisan pengarang.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini merupakan bab terakhir dalam bahan kajian ini. Dalam kajian ini dapat dirumuskan dapatan kajian yang telah dilaksanakan dalam bab-bab yang telah dikaji sebelumnya berkaitan perlambangan makna terdapat dalam sesuatu karya sastera dengan melihat perbezaan pembaca dalam menilai dan memahami maksud penulis di sebalik sesebuah karya itu. Pada bab ini juga, pengkaji akan mengetengahkan implikasi dan cadangan yang wajar disarankan bagi membantu pengkaji-pengkaji lain dalam meneruskan serta mengisi kekosongan kajian ini pada masa hadapan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini mendedahkan mengenai prinsip semiotik secara meluas melalui kata-kata atau ungkapan secara umum berkaitan dengan kehidupan-kehidupan manusia. Selain itu, pengkaji telah menggunakan sebuah buku pada novel Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti iaitu *Leksikon Ledang* dalam menerapkan bahagian perbincangan pada bab kali ini untuk merumuskan mengenai potensi persoalan dan objektif kajian ini.

Hasil daripada penelitian serta kefahaman terhadap kajian yang dijalankan ini, pengkaji dapat simpulkan bahawa kajian ini menilai bagaimana penerapan teori Semiotik sebagai satu teori yang dapat menekankan segala persoalan pengkaji tentang makna perlambangan dengan menggunakan prinsip ikon, indeks dan simbol dalam novel *Leksikon Ledang* dengan lebih mendalam serta mudah difahami. Oleh itu, prinsip ikon, indeks dan simbol ini dapat dilihat sebagai satu wadah untuk mempertimbangkan bahawa teori Semiotik ini mampu digunakan dalam mengkaji novel terpilih Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti dalam penelitian karya tersebut menerusi pelbagai aspek seperti dari segi perlambangan, ekspresi dan imejan.

Kajian ini berhasil menjawab persoalan dan objektif kajian dengan baik. Hal ini kerana hasil dapatan pengkaji sangat mengkhusus kepada penyediaan awal dalam objektif dan persoalan kajian. Pengkaji berhasil memberikan pendekatan yang dekat dengan pembaca untuk memberi pendedahan yang luas. Hal ini kerana prosa moden seperti novel mempunyai nilai manfaat yang terhasil daripada pengalaman diri penulis itu sendiri. Dalam kajian ini juga memperlihatkan setiap penulis mempunyai pendirian dan keupayaan kreatif mereka tersendiri. Oleh itu, menerusi kajian ini masyarakat lebih memahami kewujudan tanda dan bahasa dalam karya mereka. Kesannya, melalui teori

Semiotik ini masyarakat akan lebih memahami sesbuah penulisan dengan lebih baik kerana berlandaskan pengalaman penulis.

Di samping itu, kajian ini mendedahkan pengaplikasian teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce melalui novel *Leksikon Ledang*. Hal ini kerana teori Semiotik sangat berkait rapat dengan pelambangan makna. Tanda yang dimaksudkan dengan memberi makna dalam sesuatu hal yang menunjukkan maksud tersirat dalam perkataan itu. Malahan, teori Semiotik ini mempunyai perhubungan dengan kajian tanda kerana semiotik merupakan ilmu yang mempelajari dan memberi makna dalam objek, peristiwa dan seluruh kebudayaan sebagai tanda.

Rentetan daripada itu, objektif pertama pengkaji telah disempurnakan dengan menjawab persoalan tentang apakah prinsip semiotik yang terdapat dalam novel *Leksikon Ledang* berdasarkan tanda ikon, indeks dan simbol dengan mengkategorikan dan menganalisis definisi serta fungsi prinsip ikon, indeks dan simbol dalam aspek kehidupan manusia yang diketahui masyarakat. Pengkaji telah memberikan perbezaan yang terdapat dalam kajian tersebut agar ianya dapat diuraikan menjadi pengajaran kepada masyarakat. Terdapat perbezaan berdasarkan ketiga-tiga prinsip ini iaitu tanda yang membawa makna berbeza mengikut objek yang diwakilinya, tanda yang memiliki sebab dan akibat dan juga tanda yang merujuk kepada konvensyen atau persetujuan budaya.

Objektif kedua pengkaji telah pengkaji mengenalpasti adalah pemberian makna yang didapati berdasarkan teori Semiotik dalam novel *Leksikon Ledang*. Antara prinsip pemikiran yang diperoleh pengkaji adalah prinsip ikon, simbol dan indeks dalam kajian ini. Novel *Leksikon Ledang* memiliki tanda yang mempunyai kesamaan dengan menggambarkan kepada empat ikon yang dapat dikaitkan dengan tempat, perasaan,

waktu dan alam. Selain itu, pada prinsip indeks pula memiliki tanda yang mempunyai kesinambungan dengan kesan daripada objek dengan menggambarkan kepada tujuh indeks yang dikaitkan dengan naluri manusia untuk menginterpretasikan disebalik fenomena, sebab-musabab, simptom, ikatan dan sebagainya. Akhir sekali, novel *Leksikon Ledang* memiliki empat simbol yang dapat dikaitkan dengan unsur intrinsik dan ekstrinsik iaitu penunggu, batu geliga, makhluk ghaib dan binatang berbisa. Dengan berbuat demikian, pendekatan melalui pendedahan perlambangan terhadap kata, frasa dan ayat oleh penulis banyak mengetengahkan penggunaan yang bersifatkan alam dan manusia.

Akhirnya, dalam kajian ini terdiri daripada dua objektif dan dapat dirumuskan bahawa ungkapan atau kata-kata daripada novel Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti memperlihatkan objek daripada proses semiosis yang banyak dan memberikan pemahaman serta pemikiran kepada masyarakat serta membantu mengubah perspektif dari segi pemikiran manusawi dan memaparkan nilai-nilai yang ke arah kebaikan serta bermanfaat dalam kehidupan.

UNIVERSITI  
Negeri  
SULTAN  
MAHLANG  
KELANTAN

### 5.3 Implikasi Kajian

Implikasi penelitian ini dan novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti terhadap bidang pendidikan. Implikasi tersebut khususnya pada pembelajaran sastera. Sehubungan dengan itu, penelitian ini berimplikasi pada perkembangan pembelajaran sastera di sekolah menengah. Terutamanya pada kajian analisis novel tempatan yang memiliki pelbagai bentuk dari berbagai angkatan. Penelitian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan untuk mengembangkan material pembelajaran sastera yang lebih variasi, kreatif dan inovatif. Serta menambah pengetahuan mengenai analisis semiotik pada novel.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk membuka minda dan memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap prinsip ikon, indeks dan simbol untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana sesetangah pembaca terumanya anak generasi muda pada masa kini, lebih cenderung membaca bahan bacaan ringan dan berbentuk hiburan berbanding karya sastera. Kesannya mereka sukar untuk memahami beberapa elemen tertentu, maka mereka akan berasa bosan lalu tidak memahami disebalik makna yang ingin disampaikan oleh penulis, namun dengan adanya kajian ini dapat memberikan mereka kemudahan dalam membongkar maksud sebenar penulis dalam penceritaan tersebut.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini akan dijadikan sebagai rujukan. Kajian ini dilihat juga amat penting bagi diri pengkaji sendiri bagi menilai tahap kefahaman pengkaji terhadap kode penulis. Hal ini demikian kerana bidang ilmu teori Semiotik dapat dikaitkan dengan berbagai pecahan kajian. Namun kajian ini jelas memfokuskan mengenai hubungan teori Semiotik dengan objek dalam proses semiosis

*triadic* dalam novel hasil karya Nor Azida Ishak dan Fadhil Al-Akiti iaitu *Leksikon Ledang*.

Akhir sekali, implikasi kajian ini juga dapat memberi kesedaran dan iktibar kepada gologan remaja. Sepertidmanya diketahui golongan remaja merupakan pelapis kepada pembangunan negara. Terdapat segelintir golongan remaja tidak meminati prosa moden seperti novel sastera ini. Hal ini kerana karya-karya tersebut menggunakan laras bahasa yang tinggi, terlalu puitis dan berbunga-bunga, maka pembacaan berulang kali perlu dilakukan bagi memahami sesuatu ayat, penceritaan dan sebagainya. Justeru itu, menerusi kajian ini pengkaji menitikberatkan hubungan tanda dengan objek untuk menginterpretasikan maksud sebenar penulis mengikut kefahaman pengkaji dan hasil penelitian dari pengkaji-pengkaji yang lain.

#### **5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian**

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetengahkan beberapa cadangan dan mendapati bahawa kajian ini dapat menjadi medium bahan bacaan bagi pembelajaran kesusasteraan melayu pada masa hadapan dan memberi impak positif kepada masyarakat sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari. Kajian terhadap pelambangan dalam novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhil Al-Akiti ini memaparkan keberkesanan untuk terus diperkembangkan kepada pembaca khalayak pada masa kini. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan agar novel-novel sastera digemari oleh generasi muda akan diberikan oleh pengkaji. Cadangan yang boleh dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

#### 5.4.1 Orang Awam

Antara cadangan yang boleh dicadangkan dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai golongan muda meminati dan menghayati segala penceritaan penulis yang ada dalam naratif bertulis melalui institusi pendidikan. Hal ini bermaksud, dengan menanamkan nilai kecintaan terhadap naratif bertulis seperti novel sastera bermula dengan pendidikan asas terutamanya dalam pendidikan awal kanak-kanak khususnya. Hal ini boleh ditonjolkan dengan menggunakan karya sastera yang berseusaian dengan peringkat umur seperti sastera kanak-kanak. Selepas usaha ini, ia diteruskan kepada peringkat yang lebih tinggi di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Bahasa sastera menjadi tanda yang penting dalam semiotik bagi mewakili sesuai dengan apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu, penerapan bahasa sastera kepada kanak-kanak secara tidak langsung membentuk proses pembangunan diri kanak-kanak itu sama ada dari segi emosi, pemikiran dan kebahasaannya.

Kajian ini juga mencadangkan agar ibu bapa menggalakkan dan menyokong anak-anak untuk membaca dan meneliti karya-karya sastera berbanding karya picisan. Sebagai satu peringkat pembelajaran tidak langsung yang boleh dilaksanakan ibu bapa terhadap anak-anak mereka adalah pembelajaran di rumah. Hal ini demikian berlaku kerana proses pembelajaran yang dilakukan oleh ibu bapa dalam bentuk dengan membacakan buku tersebut di hadapan anak-anak dan difahami. Sekiranya ibu bapa menjadikan amalan membaca dan meneliti mengenai bahan bacaan sastera maka ia membentuk jati diri kepada generasi muda yang berintelektual.

#### **5.4.2 Kerajaan**

Peranan pihak institusi pendidikan tinggi memainkan peranan penting untuk memastikan karya sastera kekal relevan adalah dengan menganjurkan program membaca dan menulis karya-karya sastera. Hal ini demikian dikatakan kerana penulisan kreatif ini bukan terhad sahaja dengan kesusasteraan Melayu malahan aliran lain juga perlu diberi penekanan berkaitan program tersebut di universiti tempatan. Dengan menggarapkan kefahaman melalui pembacaan sesebuah karya sastera misalnya novel akan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan cara mencipta hasil karya sastera mengikut cara dan kode penulisan pengkarya dengan lebih mendalam. Justeru itu, program seperti ini boleh dijadikan kursus wajib universiti kerana setiap graduan seharusnya dapat mengetahui dan mencipta hasil karya sastera walaupun berlainan bidang dengan kesusasteraan.

#### **5.4.3 Pengkaji Lain**

Cadangan seterusnya tidak lain dan tidak bukan adalah memilih input baharu dan kajian ini sesuai dijadikan alat bantu pengajaran kepada golongan akademik terutamanya. Melalui pengumpulan, penelitian dan penerangan tentang aspek penting seperti huraiyan prinsip semiotik mengikut beberapa pecahan dalam prinsip ikon, indeks dan simbol serta huraiyan tentang petikan novel ini wajar dijadikan sumber utama kepada golongan akademik. Pengkaji lain perlulah bijak dalam memilih dan melahirkan input yang baru berdasarkan gagasan idea yang dihasilkan oleh penyelidik terdahulu. Inovasi terhadap cara dan corak penyampaian secara kreatif dapat merangsang kepada nilai ilmu. Justeru itu, pengkaji masa akan datang akan lebih mudah dalam kerja penghuraian dan analisis terhadap unsur tersirat yang terdapat dalam penyelidikan. Penghasilan kajian ini akan

menjadi bahan dan medium yang sangat bermanfaat kepada semua masyarakat untuk menghargai dan menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan yang utama.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 5.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dijalankan berdasarkan prosa moden melalui novel *Leksikon Ledang* karya Nor Azida Ishak dan Fadhli Al-Akiti telah memaparkan fungsi teori Semiotik terhadap petanda dan penandanya serta gambaran yang diinterpretasikan melalui pembacaan dan kefahaman seseorang itu di mana kritikan yang dicipta sesuai dengan apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Justeru itu, penerapan teori Semiotik dapat merangsang minda pembaca agar berfikir lebih jauh dalam memaknai maksud tersirat sesuatu kata yang digunakan dalam penulisan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BIBLIOGRAFI

- Adam Mohd Salehuddin & Nasir Baharuddin. (2017). Analisis pendekatan Semiotik terhadap karya pembukaan. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 5(1), 38-46. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2267>
- Alifatul Qolbi. (2019). Representasi masyarakat pesisir: Analisis Semiotika dalam novel gadis pesisir karya Nunuk Y. Kusmiana. *Jurnal Universitas Sebelas Maret*, 4(1), 71-78. <https://jurnal.uns.ac.id/prosidingsemantiks>
- Barbara Johnstone. (2018). *Discourse analysis* (3rd ed). Wiley Publisher.
- Burhan Nurgiyantoro. (1994). Teori Semiotik dalam kajian kesastraan. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 1(1), 51-66. <https://doi.org/10.21831/cp.v1i1.9021>
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2010). Dewan Bahasa Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2015). Dewan Bahasa Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2021). Dewan Bahasa Pustaka.
- Diana Mawati, Pontas J. Sitorus & Beslina Afriani. (2021). Kajian Semiotika puisi-puisi pengagum rindu oleh M. Hanfanaraya. *Jurnal Suluh Pendidikan*, 9(2), 97-106. <https://doi.org/10.36655/jsp.v9i2.582>
- Djoko Murdowo. (2017). *Metodologi penelitian*. [Thesis, Universiti Pendidikan Indonesia]. Universiti Pendidikan Indonesia.
- Fariza Khalid. (2014). Pernyataan masalah [Powerpoint Slide]. [https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/pernyataan\\_masalah\\_.pdf](https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/pernyataan_masalah_.pdf)
- Intan Marlina. (2007). Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu pengenalan kaedah analisis sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18(1), 157–171. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9741>
- Intan Marlina. (2013). Ikon wanita Melayu-Islam dalam novel tunggu teduh dulu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 169-183. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/103>
- Irawan Soehartono. (2000). *Metode penelitian sosial: Suatu teknik penelitian bidang kesejahteraan sosial dan ilmu sosial lainnya* (7th ed.). PT Remaja Rosdakarya.
- Jyh Wee Sew. (2016). Analisis kajian sastera: Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan. *AKADEMIKA*, 86(2), 53-63. <http://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/850>
- Kamariah Kamarudin, Intan Marlina & Mawar Safei. (2016). *Takmilah Semiotik Intertekstualiti dalam karya sastera Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Legi Elfitra & Selly Rozaliya. (2020). Analisis Semiotik novel 121 hari di Shimotsuma karya Boby Julian. *Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 6(2), 174-186. <https://doi.org/10.47269/gb.v6i2.125>
- Mana Sikana. (2001). Teori Semiotik: Tanda bahasa dan wacana sastera. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 193-212. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8692>

- Mana Sikana. (2015). *Penulisan akademik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Medri Osno. (2018). Rubyat Hamzah Fansuri: Kajian Stukturalisme Semiotika. *Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 4(2), 143-154. <https://doi.org/10.47269/gb.v4i2.62>
- Mokmin Basri. (2012). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: Esei, proposal, tesis*. Selangor International Islamic University College.
- Mohammad Khairulanwar. (2020). *Analisis Semiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun Melayu*. [Master's thesis, Universiti Sains Malaysia]. Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my/id/eprint/53160>
- Mohamed Suhaimi. (2017). Penyuntingan naskah untuk pemahaman pembaca. *Pelita Bahasa*, 7, 30-33.
- Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Daeng Jamal, Suraya Sukri, Ainul Wahida, Fatimah Muhd Shukri, Tuan Rusmawati & Lim Ying Xuan. (2023). Puisi konkrit: Satu penelitian berdasarkan pendekatan Semiotik. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 14(1), 1-12. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.1.2023>
- Mulyati Mat Alim, Ida Puteri & Rafidah Abdul Razak. (2019). Interpretasi visual Rhetorik-Semiotik dalam iklan khidmat awam alam sekitar di Malaysia. *International Journal of Heritage, Art, and Multimedia*, 2(5), 42-55. <http://dx.doi.org/10.35631/ijham.25004>
- Muhammad Thamimi. (2016). Semiotik dalam novel surat kecil untuk tuhan karya Agnes Davonar. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 5(1), 152-160.
- Muhammad Azhar Adi Mas'ud. (2023). Tanda terkait konstruksi sosial dalam kumpulan cerpen kukila karya M. Aan Mansyur: Telaah Semiotika Charles Sanders Peirce. *Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 11(2), 257-276. <https://doi.org/10.26499/tbng.v10i2.486>
- Muhammad Mustaqim & Nur Salsabila. (2022). *Pandangan Yusuf Al-Qaradhawi Terhadap Konsep Syirik: Analisis Tawakal dan Amalan Masyarakat Islam di Malaysia* [Kertas persidangan]. Prosiding Bicara Dakwah Kali ke 23 Seminar Kebangsaan Tokoh Dakwah Antarabangsa, UKM, Selangor.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. [PhD thesis, Universiti Malaya]. Universiti Malaya.
- Nurmaya Sari, Anshari & Usman. (2021). Novel tarian bumi karya Oka Rusmini: Kajian Semiotika Charles Sanders Peirce. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 17(2), 135-145. <https://journal.uniku.ac.id/index.php/FON/index>
- Nor Azida Ishak & Fadhli Al-Akiti. (2015). *Leksikon Ledang*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Shaida. (2009). *Perhubungan warna dengan perasaan dalam sesebuah catan*. (Ijazah Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nordiana Hamzah & Azhar Wahid. (2017). Emosi takut dalam hujan sudah teduh Zaharah Nawawi. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12(1), 57-70.

- Sanoda Anak Anyal. (2013). *Kajian Semiotik dari aspek watak dan perwatakan dalam naskah si bongkok tanjung puteri*. [Unpublished final year project report]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Syaimak Ismail & Muhammad Saiful. (2020). Unsur-unsur mistik dan pemujaan dalam kalangan masyarakat melayu di Pulau Besar negeri Melaka. *Jurnal Melayu*, 19(2), 254-269. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1344>
- Tuti Meliuna, Surastina & Andri Wicaksono. (2022). Kajian unsur intrinsik dalam novel surga yang tak dirindukan karya Asma Nadia. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(2), 1-14.
- Yanti Dwi Yuliantini & Aita Widara Putra. (2017). Semiotika dalam novel rembulan tenggelam di wajahmu karya Tere Liye. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(2), 65-72. <http://dx.doi.org/10.25157/literasi.v1i2.785>
- Zul Pahmi Sahidin & Norazimah Zakaria. (2020). Kajian ikon, indeks dan simbol dalam cerita legenda Lombok berdasarkan teori Semiotik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 187-194.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN